

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah  
d disesuaikan dengan buku aslinya

## AL-ASYA'IRAH & AL-MATURIDIAH

Oleh: Muhammad Asrie bin Sobri  
(B.A Aqidah & Dakwah, Uni. Islam Madinah)

## PENDAHULUAN

Di dalam hadis yang sahih Rasulullah s.a.w telah bersabda:

Maksudnya: "dan sesungguhnya Bani Israel telah berpecah kepada ۷۲ puak dan sesungguhnya umatku akan berpecah kepada ۷۳ puak, semuanya di neraka melainkan satu puak sahaja". Ditanya kepada baginda: "Apakah dia satu puak itu wahai Rasulullah?" Jawab baginda: "Apa yang aku berada atasnya hari ini serta para Sahabatku". [Al-Tarmizi, al-Hakim, al-Tabrani – Mukjam al-Kabir-, Ibn Battah (al-Ibana al-Kubra) dan lafaz ini di sisi Ibn Battah].

Di dalam hadis yang sangat penting ini, Rasulullah s.a.w memberi peringatan bahawa selepas kewafatan baginda, akan muncul ajaran-ajaran yang mendakwa diri sebagai Islam tetapi menyeleweng daripada kebenaran yang sebenar dan jumlahnya amat banyak iaitu ۷۳ golongan dan hanya satu golongan sahaja yang berada atas kebenaran dan bertepatan dengan dakwaan dakwah yang dibawanya dengan apa yang di bawa oleh Rasulullah s.a.w kerana mereka ini sahaja yang mengikut petunjuk Rasulullah s.a.w dan para Sahabat baginda.

Di zaman kita ini, puak-puak yang mendakwa Islam dan mendakwa ajaran mereka sebenarnya ajaran yang hak amat banyak dan yang paling popular di seluruh pelusuk Dunia Islam dewasa ini adalah: al-Asya'irah dan al-Maturidiah; di mana majoriti pengikut Imam-imam yang tiga (Abu Hanifah, Malik, dan al-Syafii) bernasab kepada salah satu daripada dua firqah ini sedangkan mereka yang berpegang dengan mazhab Hanbali pula

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

terkenal dengan tuduhan ke atas mereka sebagai "Wahhabi".

Kebenaran tidak diukur dengan orang bahkan sebaliknya, orang diukur dengan kebenaran dan kebenaran itu adalah apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w dan para Sahabat baginda ridwanullahi 'alaih, maka kita perlu meneliti sejauh mana kebenaran dan ketepatan dakwaan al-Asya'irah dan al-Maturidiah bahawa merekalah firqah (puak) yang terselamat antara ۷۳ puak Umat Muhammad yang wujud dewasa ini.

Maka dalam kajian kecil ini, kami dengan kehendak dan izin ALLAH akan mencuba untuk membentangkan sejauh mana dakwaan ini dan menilainya dengan timbangan yang adil berdasarkan apa yang dibawa oleh Rasul dan apa yang diwarisi daripada Ulama Muktabar di kurun terbaik Umat ini, kurun Salafus Soleh.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## **PENGENALAN TERHADAP AL-ASYA'IRAH & AL-MATURIDIAH**

Al-Asya'irah adalah golongan yang dinisbahkan kepada Abul Hasan Al-Asy'ari manakala al-Maturidiah pula dinisbahkan kepada Abu Mansur al-Maturidi.

Berikut kami bentangkan profil setiap dua orang tokoh tersebut:

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## □ **Abul Hasan al-Asy'ari:**

Nama Penuh: Ali bin Ismail bin Abi Bisyr Ishaq bin Salim bin Ismail bin Abdullah bin Musa bin Bilal bin Abu Burdah bin Abu Musa al-Asy'ari. Maka beliau merupakan leluhur kepada Sahabat Rasulullah s.a.w, Abu Musa al-Asy'ari r.a.

Lahir: Pada tahun ۲۶۰ Hijrah atau ۲۷۰ Hijrah

Meninggal: ۳۲۴ Hijrah.

Mazhab Fiqhi: Syafii

Perjalanan Hidup: Beliau dibesarkan sebagai seorang bermazhab Muktazilah melalui gurunya; Abu Ali bin Abdul Wahab al-Jubbaie sehingga beliau menjadi seorang tokoh dan 'alim dalam ajaran Muktazilah. Kemudian, beliau bertaubat dan meninggalkan mazhab Muktazilah setelah jelas kepada beliau mazhab ini membawa ajaran yang menyeleweng daripada Wahyu yang suci. Al-Imam Ibn Katsir r.h menaqqalkan bahawa beliau melalui ۳ marhalah dalam hayatnya:

**Pertama:** Marhalah Muktazilah dan beliau telah bertaubat daripada akidah ini.

**Kedua:** Marhalah di mana beliau mengisbatkan bagi ALLAH sifat-sifat 'aqliah yang tujuh yang terkenal dalam kalangan pengikutnya sebagai sifat maknawi: mendengar, melihat, hayat, kalam, kudrat, iradat dan lainnya tetapi mentakwilkan sifat khabariah seperti Istiwa', Tangan, dan seumpamanya.

**Ketiga:** Marhalah Ahlus Sunnah wal Jamaah di mana beliau mengisbatkan sifat-sifat ALLAH dan masalah

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

akidah lainnya sesuai dengan mazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah sebagaimana beliau sarihkan (jelaskan) dalam kitab-kitab yang terakhir beliau: al-Ibanah, al-Maqalat, dan Risalah Ila Ahli Tsughar. Namun, sandaran marhalah ini kepada Abul Hasan al-Asy'ari r.h adalah tidak benar dan berlawanan dengan apa yang jelas daripada tulisan-tulisan Abul Hasan al-Asy'ari r.h di mana beliau tidak pernah melakukan Takwil kepada mana-mana sifat sama ada 'Aqliah mahupun Khabariah setelah rujuk daripada mazhab al-Muktazilah.

Jika mereka yang meriwayatkan marhalah ini daripada Abul Hasan bersandarkan kepada kitab (Al-Luma') yang dinyatakan oleh Ibn 'Asakir r.h sebagai antara kitab yang beliau karang sejurus merujuk daripada mazhab

Iktizal kemudian diikuti dengan kitab al-Ibanah, sebenarnya tidak ada perlawanan antara (al-Luma') dengan (al-Ibanah) kerana walaupun Abul Hasan tidak membincangkan sifat-sifat Khabariah dalam (al-Luma') tetapi beliau juga tidak menyatakan penafian terhadapnya. Ulama Sirah dan Sejarah juga menyatakan bahawa Abul Hasan setelah rujuk daripada mazhab Muktazilah, beliau mengikut mazhab al-Kullabiah sebagaimana kata al-Imam al-Zahabi r.h dalam (al-Siyar, ١١/١٧٤) semasa menterjemahkan Abdullah bin Sa'id al-Kullab: "dan pengikut-pengikutnya (dinamakan) al-Kullabiah, telah bertemu dengan sebahagian mereka Abul Hasan al-Asy'ari ketika dia membantah Jahmiah". Kata al-Imam Ibn Hajar al-'Asqalani r.h dlm (Lisanul Mizan, ٣/٢٩١) dalam Terjemah Abdullah bin Sa'id al-Kullab: "dan atas jalannya (Ibn Kullab) al-Asy'ari mengikut dalam (mengarang) al-Ibanah".

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Kata Syaikhul Islam Ibn Taimiah r.h (Majmuk al-Fatawa, ٣/٢٢٨): "adalah aku sentiasa menegaskan perkara ini terhadap al-Hanabilah dan aku jelaskan bahawa al-Asy'ari walaupun asalanya adalah anak murid kepada Muktaizilah, dia adalah pada asalnya anak murid al-Jubbaie lalu condong kepada jalan Ibn Kullab dan dia juga belajar usul-usul hadis daripada Abu Zakaria al-Saji di Basrah, kemudian dia datang ke Baghdad lalu belajar dengan para Hanabilah di Baghdad beberapa perkara lagi dan itulah akhir peringkat hayatnya seperti mana yang dinyatakan oleh dia sendiri dan para pengikutnya dalam kitab-kitab mereka".

Maka apa yang jelas daripada peringkat hayat Abul Hasan al-Asy'ari adalah beliau setelah meninggalkan ajaran Muktaizilah, beliau mengikut ajaran Kullabiah yang merupakan ajaran Ilmu Kalam yang hampir dengan ajaran Salafiah (Ahlus Sunnah wal Jamaah) dalam menetapkan Sifat-sifat ALLAH dan tidak mentakwilkannya sebagaimana kata para Ulama Sirah dan Sejarah. Kata al-Imam al-Zahabi r.h dalam (Al-Siyar, ١١/١٧٥):

"sedangkan lelaki ini (Ibn Kullab) adalah Ahli Kalam yang paling hampir dengan Ahlus Sunnah bahkan dia dianggap para pendebat mereka dan adalah dia berpendapat: al-Quran itu berdiri dengan zat (ALLAH) tanpa berkait dengan kudrat dan kehendak (ALLAH) dan ini adalah pendapat yang tidak pernah disebut sesiapa pun sebelumnya sama sekali, dia menyatakan pendapatnya ini untuk melawan mereka yang mengatakan al-Quran Makhluq dan dia mengarang dalam masalah Tauhid, menetapkan sifat, dan bahawa ketinggian al-Bari atas MakhluqNya adalah tsabit dengan fitrah dan akal sesuai menurut nas dan demikian

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

juga al-Muhasibi (pengikut Ibn Kullab) dalam kitabnya (Fahmul Quran)".

Adapun persoalan adakah setelah mengikut ajaran Ibn Kullab beliau rujuk lagi kepada mazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah yang sebenar? Maka jelas bahawa Imam Abul Hasan al-Asy'ari r.h berusaha sedaya mungkin menyelami ajaran Ahlus Sunnah wal Jamaah setelah berada di Baghdad namun beberapa fahaman dan akidah yang beliau anuti semasa mengikut ajaran Kullabiah terus kekal dan dijadikan sebagai manhaj beliau.

Jadi Abul Hasan al-Asy'ari selepas kembali taubat daripada Muktaizilah, beliau tidaklah mengikut ajaran Ahlus Sunnah wal Jamaah sepenuhnya, bahkan masih ada beberapa kesalahan dan kekhilafan dalam akidah beliau, namun beliau amat hampir kepada akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah dan menasabkan diri beliau kepada mereka dan tidak ada sesiapa pun yang maksum kecuali Rasulullah s.a.w dan para Anbiya'.



Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## □ **Abu Mansur al-Maturidi:**

Nama Penuh: Muhammad bin Muhammad bin Mahmud al-Maturidi alSamarqandi dan Maturidi adalah nisbah kepada tempat (Maturid) di negeri Samarqand.

Kelahiran: Tidak dinyatakan dalam terjemahan beliau tarikh lahir

Kewafatan: ۳۳۳ Hijrah di Samarqand.

Mazhab Fiqhi: Hanafi

Perjalanan Hidup: Berbeza dengan Abul Hasan al-Asy'ari yang memulakan kehidupan sebagai Muktazilah kemudian berpindah kepada manhaj Kullabiah, Abu Mansur al-Maturidi memang seorang yang terkesan dengan aliran alKullabiah.

Ini berdasarkan pendapat-pendapat beliau dalam beberapa masalah yang jelas persamaannya atau manhajnya dengan aliran al-Kullabiah, adapun dari segi menetapkan pengambilan al-Maturidi akidah al-Kullabiah melalui perguruan, tidak dapat dipastikan sama sekali kerana guru-guru Abu Mansur al-Maturidi tidak diketahui keadaan akidah mereka dan tidak dipastikan sama ada dia mengambil ilmu kalam daripada mereka atau hanya ilmu fiqh hanafi. Dari segi zaman dan suasana politik pula menyokong bahawa al-Maturidi terkesan dengan al-Kullabiah kerana beliau hidup di bawah kerajaan AlSamaniah yang memerintah kawasan Khurasan, Samarqand dan sekitarnya di bawah naungan Khilafah Bani Abbas yang bermula dengan zaman alMutawakkil 'ala ALLAH yang menyaksikan kejatuhan Muktazilah dan muncul semula kekuatan Ahlus Sunnah wal Jamaah menyebabkan sambutan terhadap aliran Ahli

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Kalam yang kelihatan dekat dengan aliran Ahlus Sunnah amat hangat dan satu-satunya aliran Kalam ketika itu yang terkenal dengan persamaan akidah dengan Ahlus Sunnah adalah aliran Abdullah bin Sa'id alKullab (al-Kullabiah).

Nisbah Abu Mansur al-Maturidi kepada mazhab Hanafi pula membuka ruang lebih besar untuk beliau terdedah dengan akidah Ilmu Kalam dan Murjiah dan Muktazilah kerana golongan al-Ahnaaf telah pun berpecah dalam akidah mereka kepada:

- ١- Hanafi Murjiah
- ٢- Hanafi Syi'ah
- ٣- Hanafi Muktazilah

Kata Muhammad Abdul Haq al-Laknawi r.h dalam kitab beliau (Al-Rafu wat Takmil fil Jarhi wat Takdil, ١/٣٨٦):

"Secara jumlahnya maka Hanafiah mempunyai beberapa cabang berdasarkan perbezaan akidah, ada antara mereka; Syi'ah, ada yang Muktazilah, dan ada yang Murjiah".

Demikian juga, kesan cucu Imam Abu Hanifah; Ismail bin Hammad bin Abu Hanifah yang menganut ajaran Muktazilah dan menjadi pembesar Muktazilah di zaman Bani 'Abbas dan menisbahkan akidah ini kepada bapa dan datuknya. Ini menunjukkan betapa kaum al-Ahnaaf setelah kewafatan Imam mereka dan pembesar mazhab mereka, berlaku perpecahan dalam akidah mereka sedangkan Imam Abu Hanifah r.h adalah Ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Namun, masih kekal pengikut Ahnaf yang membawa panji Ahlus Sunnah wal Jamaah seperti Imam Abu Jaafar al-Tahawi r.h di Mesir yang menulis kitab matan akidah beliau yang menjadi salah satu matan akidah utama di sisi Ahlus Sunnah wal Jamaah: (al-Aqidah al-Tahawiah). Tetapi tidak ada catatan sejarah yang menunjukkan Abu Mansur menemui Abu Jaafar dan jarak yang jauh antara Mesir dan Samarqand serta berbeza kerajaan yang memerintah tidak memungkinkan sampainya pengaruh Hanafiah Salafiah ke Samarqand.

Kesimpulannya adalah: al-Imam Abu Mansur al-Maturidi bukanlah daripada pengikut ajaran Ahlus Sunnah wal Jamaah yang sebenar tetapi beliau merupakan salah seorang Ulama Kalam dan turut membina akidahnya atas manhaj al-Kullabiah sama seperti Abul Hasan al-Asy'ari setelah beliau merujuk daripada ajaran Iktizal.

□ **Tanbih:** Terjemah Abu Mansur al-Maturidi amat sedikit dan tidak sesuai dengan kedudukan beliau sebagai seorang pengasas mazhab Ahli Kalam yang besar dan mempengaruhi dunia Islam Barat dan Timur. Ini menunjukkan bahawa Aliran Maturidiah tidaklah terkenal seperti mazhab al-Asya'irah sehinggalah selepas kewafatan Abu Mansur dan di kurun-kurun terakhir apabila beberapa kerajaan Islam menjadikan Akidah Maturidiah pegangan rasmi baharulah ajaran Maturidiah muncul sebagai satu kuasa baharu dalam aliran akidah.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## **Peringkat-peringkat Perkembangan Al-Asya'irah & al-Maturidiah**

### **Peringkat-peringkat Al-Asya'irah:**

#### *1- Kullabiah:*

Sebagaimana yang telah kita jelaskan terdahulu bahawa Abul Hasan al-Asy'ari r.h selepas beliau meninggalkan ajaran al-Muktazilah, beliau mengikut ajaran Abdullah bin Sa'id al-Qattan al-Kullab.

Maka ajaran al-Asya'irah pada peringkat awal merupakan Ajaran al-Kullabiah yang diasaskan oleh Abdullah bin Sa'id al-Qattan al-Basri al-Kullabi (wafat sekitar selepas ٢٤٠ H).

Ibn Kullab terkenal dengan bantahan-bantahan terhadap al-Muktazilah namun menggunakan Ilmu Kalam untuk membina akidahnya. Kata al-Zahabi r.h:

Maksudnya: "Pemilik karangan yang banyak dalam membantah Muktazilah dan kadang-kadang dia menyetujui mereka". [al-Siyar, ١١/١٧٤].

Kata Al-Syahrastani al-Asy'ari (wafat ٥٤٨ H):

"dan adapun al-Salaf yang tidak melakukan Takwil dan Tidak pula melakukan Tasybih antara mereka adalah Malik bin Anas r.h di mana beliau berkata: "alIstiwa' itu diketahui (maknanya), Kaifiatnya Tidak diketahui, beriman dengannya wajib dan bertanya (tentang Kaifiat) adalah Bidaah". Demikian juga seumpama Ahmad bin

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Hanbal r.h, Sufian al-Tsaury dan Daud bin Ali al-Asfahani.

Sehinggalah datang zaman Abdullah bin Sa'id al-Kullabi, Abul 'Abbas al-Qalanisi, dan al-Haris bin Asad al-Muhasibi, mereka ini adalah daripada kalangan Salaf (atas Manhaj Salaf dalam menetapkan Sifat Tanpa Takwil dan Tasybih) tetapi mereka mengikut Ilmu Kalam dan menguatkan Akidah Salaf dengan hujah-hujah Kalamiah serta dalil-dalil Usuliah, ada antara yang mengarang kitab dan ada yang mengajar sehinggalah berlaku perdebatan antara Abul Hasan al-Asy'ari dengan Ustaznya dalam beberapa masalah daripada masalah (al-Solah) dan (al-Aslah)<sup>1</sup>

lalu keduanya berdebat dan Al-Asy'ari condong kepada golongan ini (al-Kullabiah) lalu dia menguatkan akidah-akidah mereka dengan manhaj Ilmu Kalam ..." [AlMilal wan Nihal, 1/133].

Pernyataan ini amat jelas daripada seorang pembesar al-Asya'irah bahawa ajaran mereka merupakan kesinambungan daripada ajaran al-Kullabiah dan para pembesar al-Asya'irah sendiri menyebut Abdullah bin Sa'id al-Kullabi sebagai "Syeikh" mereka sebagaimana kata al-Syahrastani sendiri:

Maksudnya: "Berkata al-Asy'ariah: Syeikh kami al-Kullabi Abdullah bin Said berpendapat ..." (Nihayatul Iqdam, Kaedah ke-13)

Al-Subki (Taj al-Din) berkata dalam Tabaqat al-Syafiiah al-Kubra dalam terjemah Ibn Kullab selepas

---

<sup>1</sup> Yakni Adakah wajib atas ALLAH menciptakan Yang Baik dan Terbaik?

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

membentangkan akidah Ibn Kullab dalam masalah Kalam al-Nafsi:

Maksudnya: "Inilah maqalah (mazhab) Ibn Kullab yang diikuti oleh para Ashab kita (al-Asya'irah)". [٢/٣٠٠].

Kata Imam al-Zahabi r.h:

Maksudnya: "dan para pengikutnya dinamakan al-Kullabiah, Abul Hasan alAsy'ari ada bertemu dengan sebahagian mereka ketika dia membantah Jahmiah (yakni setelah keluar dari Muktazilah)". [al-Siyar, ١١/١٧٤].

Maka, semua bukti menunjukkan mazhab al-Asya'irah merupakan kesinambungan dan sambungan bagi mazhab al-Kullabiah yang diasaskan oleh Ibn Kullab.

Al-Asya'irah yang melazimi Manhaj Ibn Kullab akan terserlah pada mereka:

- Menetapkan Sifat Khabariyyah Zatiyyah Tanpa Takwil
- Menetapkan Kalam al-Nafsi yang tidak berhuruf dan bersuara bagi ALLAH
- Menafikan sama sekali Hulul al-Hawadis<sup>†</sup> pada ALLAH.

Antara tokoh-tokoh al-Asya'irah al-Kullabiah adalah:

o Abu Bakr al-Baqilani, Muhammad bin al-Tayyib al-Qadhi, w. ٤٠٣ H

---

<sup>†</sup> Yakni: Menafikan Sifat-sifat Af'al (perbuatan) yang berkait dengan kehendak dan kekuasaan ALLAH. Maka menurut mereka ALLAH Turun tanpa kehendak dan kudrat, ALLAH berkata-kata tanpa kehendak dan kuasa dan seterusnya.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

o Abul Hasan al-Tabari Abdul Aziz bin Muhammad bin Ishaq, w. ٣٨٠ H

o Ibn 'Asakir, Abul Qasim Ali bin al-Hasan bin Hibatullah, w. ٥٧١ H

### *r- Al-Jahmiah:*

Al-Asya'irah al-Kullabiah amat menyerlah dalam akidah mereka yang beriman dengan sifat-sifat Zatih seperti Tangan, Mata, Kaki, dan Sifat al-Uluww serta alIstiwa'.

Kemudian datang selepas itu sekumpulan al-Asya'irah yang memilih jalan alMuktazilah dalam memahami nas-nas Sifat ALLAH Ta'ala lalu mereka melakukan Takwil terhadap Sifat-sifat Khabariah seperti: al-Istiwa', al-Nuzul, Tangan, Mata, Wajah dan lain-lainnya.

Perkembangan ini adalah sesuatu yang dapat dijangka berlaku kerana Mazhab alAsya'irah dibina atas dasar Ilmu Kalam dan Falsafah yang kedua-duanya adalah "anak kandung" al-Muktazilah maka lambat laun mereka yang mengambil dua jalan ini sebagai sandaran akidah akan kembali kepada ibu asal mereka iaitu: al-Muktazilah.

Antara Ulama al-Asya'irah yang terawal dikesan memasukkan aliran Takwil ke dalam al-Asya'irah adalah: Muhammad bin al-Husain bin Furak (terkenal sebagai: Ibn Furak) wafat pada tahun: ٤٠٦ H.

Kemudian, Abu Mansur Abdul Qahir al-Baghdadi (w. ٤٢٩ H) mengarang kitabnya, Usuluddin di mana dia

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

menzahirkan Takwil terhadap semua sifat-sifat Khabariah dan menyatakan bahawa Hadis Ahad tidak memberikan faedah Ilmu (yakin).

Fahaman Takwil mendapat sambutan hangat dalam kalangan Mutaakhirin alAsya'irah dan mencapai kemuncak yang tertinggi di tangan: Fakhruddin al-Razi Muhammad bin Umar bin Hasan bin Husein al-Taimi al-Bakri Ibn Khatib al-Ray (w. ٦٠٦ H), melalui kitabnya Asas al-Taqdis, al-Matalib al-'Aliyah dan lain-lain.

### *r- Al-Tafwid*

Beberapa para pembesar al-Asya'irah di akhir hayat mereka cuba untuk kembali kepada manhaj Ahlus Sunnah wal Jamaah dalam menetapkan sifat ALLAH Ta'ala atau sekurang-kurangnya kembali kepada manhaj Mutaqaddimin al-Asya'irah (AlKullabiah) namun ada antara mereka yang tersasar lalu terjebak dalam akidah yang dinamakan Tafwid atau disebut (Ahlu Tajhil) yakni menurut mereka; Sifat-sifat Khabariah seperti Istiwa', Nuzul. Yad, Wajh dll ditetapkan bagi ALLAH lafaznya namun makna dan kaifiat diserahkan kepada ALLAH dengan iktiqad setiap lafaz ini mempunyai makna yang menyalahi zahirnya yang hanya diketahui ALLAH.

Tokoh yang dikenali membawa Manhaj Tafwid ini adalah Abul Ma'ali al-Juwaini Imamul Haramain (w. ٤٧٨ H) [Lihat: Tabaqat al-Syafiiyah al-Kubara, Taj al-Din alSubki, ٥/١٩١].

### *٤- Al-Sufiah*



Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Selain aliran Jahmiah, turut memberi kesan dalam mengubah haluan Manhaj al-Asya'irah adalah ajaran Tasawuf Falsafi dan kesan ajaran ini juga boleh dijangka akan menguasai aliran al-Asya'irah kerana kedua-dua aliran: al-Asya'irah dan Tasawuf ini terbit dari satu punca iaitu: Falsafah dan Ilmu Kalam. (rujuk: Al-Tasawuf; al-Mansya' wal Masdar oleh Syeikh Ihsan Ilahi Zahir).

Kemasukan Tasawuf ke dalam al-Asya'irah adalah beriringan dengan masuknya Takwil apabila dibawa oleh Abul Qasim Abdul Karim al-Qusyairi (w. ٤٦٠ H) dan dia merupakan anak murid kepada Ibn Furak.

Al-Qusyairi dan anaknya Abdul Rahim, mempunyai peranan utama dalam menzahirkan Akidah Tajahhum (Jahmiah) dalam aliran al-Asya'irah melalui peristiwa fitnah yang masyhur berlaku antara Al-Asya'irah dan Ahlus Sunnah wal Jamaah (yang diwakili ketika itu oleh al-Hanabilah) di mana al-Asya'irah mula mencela al-Hanabilah dan menuduh mereka sebagai Mujassimah dan Musyabbihah.

Tuduhan ini sudah dijangka akan terpacul keluar daripada mulut al-Asya'irah kerana sudah menjadi simbol yang jelas mereka yang melazimi jalan Tajahhum dan Ta'thil<sup>⚭</sup> menamakan mereka yang menetapkan sifat sebagai musyabbihah seperti mana yang dilakukan oleh al-Muktazilah terhadap Ahlus Sunnah wal Jamaah bahkan kepada al-Asya'irah al-Kullabiah.

Demikian juga kemasukan Tasawuf ke dalam aliran ini merupakan kelaziman yang hampir pasti berdasarkan hubungannya dengan aliran al-Kullabiah di mana salah seorang Ulama besar al-Kullabiah (al-Haris bin Asad al-

---

<sup>⚭</sup> Menafikan Sifat

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Muhasibi) merupakan antara orang terawal yang berbicara berkenaan Tasawuf dan menulis kitab berkenaannya sehingga ada para pengkaji menyenaraikan al-Haris adalah Sufi terawal dalam Islam.

Kemuncak Tasawuf Asya'irah berada di tangan seorang lelaki yang diberi gelaran sebagai "Hujjatul Islam" iaitu al-Imam Abu Hamid al-Ghazali r.h (w. ๐๐๐ H) dan karya agung beliau adalah: Kitab Ihya' Ulumiddin.

Apa yang dibawa oleh al-Ghazali dengan nama Tasawuf ini sebenarnya adalah Ilmu Falsafah Yunani Greek yang lebih tinggi sehingga membawa kepada Hulul (bersatu Tuhan dengan Makhluk) sedangkan al-Asya'irah pada dasarnya mengingkari keberadaan Tuhan pada tempat.<sup>๕</sup>

Aliran Tasawuf merupakan aliran yang mendapat sambutan meluas dalam kalangan pengikut Asya'irah dewasa ini dan kemuncak Tasawuf al-Asya'irah adalah mereka menjadi para penyembah kubur sebagaimana fenomena ini disaksikan semua terutama di "Bandar suci" al-Asya'irah; Mesir.

Rosaknya Tauhid al-Uluhiyah adalah natijah yang pasti bagi setiap mereka yang menyeleweng daripada kebenaran dalam Tauhid al-Asma' was Sifat kerana punca rosaknya Tauhid al-Uluhiyah/ al-Ibadah seseorang; rasa kurang hormatnya pada ALLAH dan rasa kurang hormat ini timbul dari kegagalan memahami nama-nama dan sifat-sifat ALLAH yang Agung dan Mulia.

---

<sup>๕</sup> Untuk Kajian lebih terhadap Tasawuf al-Ghazali, sila rujuk kajian kami di <http://bahayasufi.blogspot.com>

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Demikian juga penyelewengan dalam mentafsirkan makna (ILAH) di sisi Ulama Kalam membawa kepada kerosakan ini yang kita akan bahaskan insya-ALLAH dalam perbahasan berkenaan pandangan al-Asya'irah terhadap Tauhid al-Uluhiyah nanti.

## Perkembangan al-Maturidiah

Al-Maturidiah melalui beberapa peringkat perkembangan yang disebut para pengkaji sebagai berikut (Al-Mausuah al-Muyassarah, WAMY, 1/90, al-Maturidiah Rabibatul Kullabiah, Muhammad bin Abdul Rahman al-Khamis):

1- Pengasasan dan Penubuhan: Peringkat ini merupakan peringkat di zaman Abu Mansur al-Maturidi sehingga kewafatan beliau pada 333 H dan ianya penuh dengan bantahan-bantahan Abu Mansur terhadap al-Muktazilah dengan hujah-hujah Ilmu Kalam yang mana melalui proses ini Abu Mansur membentuk akidahnya.

2- Pembentukan dan Perletakan usul dan kaedah [333 H-500 H]: Ini merupakan peringkat anak-anak murid Abu Mansur mula menyebarkan ajaran beliau dan menulis kitab-kitab yang menjelaskan asas-asas mazhab dan kaedah-kaedahnya. Antara tokoh utama di peringkat ini adalah; Abul Qasim Ishaq al-Hakim al-Samarqandi (w. 342) dan Abdul Karim al-Bazdawi (w. 390 H).

Juga muncul pada peringkat kedua ini: Abul Yusr al-Bazdawi (w. 493 H) yang mengarang Kitab: Usuluddin, yang merupakan kitab Akidah al-Maturidiah yang menjadi sandaran utama Mazhab.

3- Penulisan dan Karangan [500 – 700 H]: Pada peringkat ini, giat dilakukan penulisan dan penyebaran buku-buku Akidah al-Maturidiah sama ada yang membahaskan secara terperinci mahupun matan-matan yang ringkas. Maka muncul tokoh utama dalam

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

peringkat ini: Abul Mu'in al-Nasafi (w. ٥٠٨ H) dan pada kitabnya: Tabsirah al-Adillah menjadi rujukan dan sandaran utama akidah al-Maturidiah.

Juga tokoh utama pada marhalah ini adalah: Najmuddin Umar al-Nasafi (w. ٥٣٧ H) pengarang al-Aqidah al-Nasafiah yang merupakan matan akidah utama al-Maturidiah.

ε- Peringkat Perluasan dan Pengembangan [٧٠٠-١٣٠٠ H]: Pada peringkat ini, alMaturidiah menjadi Akidah Rasmi Daulah al-Usmaniah di Turki yang menguasai majority Negara-negara Islam, maka al-Maturidiah menjadi kuasa besar aliran pemikiran Umat Islam dan ini lebih lewat daripada al-Asya'irah yang telah pun menjadi kuasa besar Aliran Pemikiran dunia Islam semenjak zaman al-'Abbasiah.

Tokoh utama pada peringkat ini antaranya: Al-Kamal Bin al-Humam al-Hanafi, pengarang kitab Al-Musayarah fil Aqaid al-Munjiah dan beliau merupakan tokoh besar mazhab al-Hanafiah melalui kitabnya; Fathul Qadir.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## **Marhalah Tasawuf dan Keruntuhan Tauhid al-Uluhiyah di sisi Al-Maturidiah:**

Sebagaimana yang telah menimpa nasib al-Asya'irah, kegemilangan al-Maturidiah dengan akal yang mereka sanjung-sanjungkan berakhir dengan kematian akal mereka lalu mereka menjadi penyembah kubur.

Marhalah kemasukan Tasawuf dalam al-Maturidiah diperanankan oleh ٣ madrasah berikut:

١- Deobandiah yang muncul pada ١٧٨٣ H dan antara kitab utama mereka: alMuhannad 'alal Mufannad oleh Khalil al-Saharanfuri. Madrasah ini disandarkan kepada Jamiah Deobandi yang diasaskan oleh Muhammad Qasim al-Nanatuwi dan terkenal dengan fokus mereka terhadap Ilmu Hadis.

٢- Madrasah Berelwiyah: ١٢٧٢ H, diasaskan oleh Ahmad Reda Khan al-Afghani yang digelar Abdul Mustafa (w.١٣٤٠ H). Berelwiyah mencapai kemuncak keruntuhan Tauhid al-Uluhiyah apabila menjadi ajaran Penyembah Kubur Tulen.

٣- Madrasah al-Kautsariah: Nisbah kepada Zahid al-Kautsari (w.١٣٧١ H) yang bermarkaz di Universiti al-Azhar al-Syarif dan madrasah ini terkenal dengan sikap 'panjang lidah' atas para Ulama Salaf seperti al-Imam Ibn Khuzaimah r.h, Imam alDaraqutni r.h, Imam Ishaq bin Rahuwaih r.h, Imam Ibn Battah r.h dan lain-lain Ulama Salaf. Al-Kautsari seolah-olah mengiytihakn perang ke atas Ulama Salaf dan menzahirkan sejelas-jelasnya bahawa ajaran al-Maturidiah memang tiada kaitan

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

dengan Ulama Salaf disamping terkenal juga dengan syirik kubur dan menyembah orang mati.

Ketiga-tiga Madrasah ini berhadapan dengan Ahlus Sunnah wal Jamaah yang dihidupkan semula gerakannya oleh Al-Imam Syeikhul Islam Muhammad bin Abdul Wahab di Jazirah Arabiah, maka tidak hairanlah ketiga-tiga madrasah ini mempunyai pendirian yang sangat dalam kebenciannya terhadap apa yang mereka namakan sebagai: 'Wahhabi'.

Mazhab al-Maturidiah berbeza dengan Mazhab Al-Asya'irah yang bermula sebagai Ahli Kalam yang menetapkan Sifat, kemudian berpindah kepada menafikan sifat, al-maturidiah sebaliknya telah pun dipengaruhi unsur-unsur Tajahhum (jahmiah) semenjak zaman pengasasnya Abu Mansur al-Maturidi.

Hal ini jelas melalui kitab Abu Mansur yang dinamakan Takwil Ahlus Sunnah di mana beliau melakukan takwil terhadap ayat-ayat sifat [Lihat: al-Mausu'ah alMuyassarah.WAMY].

Demikian juga dalam kitab Al-Tauhid oleh Abu Mansur al-Maturidi, beliau tidak menetapkan Sifat al-Istiwa' dengan makna yang warid daripada Salaf, tetapi membolehkan Takwil padanya bahkan yang zahirnya Abu Mansur melakukan Tafwid dalam masalah ini. [Rujuk: Kita al-Tauhid, Abu Mansur al-Maturidi, 1/17].

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## **Bahagian-bahagian al-Asya'irah dan al-Maturidiah**

Dimaksudkan dengan perbahasan ini adalah; jenis-jenis manusia yang menisbahkan diri kepada dua aliran ini.

Para pengikut Manhaj al-Asya'irah dan al-Maturidiah terbahagi kepada:

١- Ahli Kalam: Mereka ini merupakan kepala dan ketua kelompok ini yang membentuk mazhabnya, mengasaskan kaedah-kaedahnya, menulis kitab-kitab untuk membela dan menyebarkannya dan pada mereka ini lah berlegarnya mazhab dan merupakan tokoh-tokoh sebenar aliran ini.

Antara mereka adalah:

Al-Asya'irah: Abu Bakr al-Baqilani, Abul Hasan al-Bahili, Fakhru al-Razi, AlGhazali, al-Iji, Ibn Furak, Imam al-Haramain, dan Al-Amidi.

Al-Maturidiah: Abdul Karim al-Bazdawi, Abul Yusr al-Bazdawi, Abu Ma'in alNasafi, Najmuddin al-Nasafi, Zahid al-Kautsari, dan Muhammad Abduh.

٢- Ahli Hadis dan Fuqaha': Mereka ini merupakan Ulama yang melibatkan diri dalam bidang Ahli Hadis tetapi mengikut al-Asya'irah atau al-Maturidiah sebagai akidah dan mereka bukanlah dianggap sebagai tokoh utama yang berlegar padanya mazhab walaupun mereka mempunyai peranan besar dalam pengembangan mazhab.



Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Mereka ini terkenal dengan sikap sederhana dan tidak ta'assub kepada mazhab mereka, maka didapati dalam kalangan mereka ini, ada pendapat mereka yang menyalahi aliran mereka dan mereka menyetujui aliran al-Salafiah dalam menetapkan beberapa akidah.

Antara mereka ini adalah:

Al-Asya'irah: al-Baihaqi, al-Khattabi, Ibn 'Asakir, Abu Bakr Ibn al-Arabi, Al-Qurtubi, dan al-Sayuti.

Al-Maturidiah: Mulla 'Ali al-Qari dan al-Kashmiri.

۳- Sufiah: Mereka ini adalah yang paling jauh daripada Islam dan mendekat kepada kekufuran dan syirik seperti; 'Alwi al-Maliki, Habib Al-Jufri, Habib Omar, dan kaum Deobandiah dan Berelwiyah.

Al-Asya'irah juga dapat dibahagikan kepada:

۱- Mutaqaddimun: seperti al-Baqilani, al-Bahili, dan Ibn Furak. Al-Mutaqaddimun amat terkenal dengan hampirnya mereka kepada Manhaj Salaf dan kurang sikap Tajahhum (Jahmiah).

۲- Al-Mutaakhirun: Yang dikehendaki adalah mereka yang datang selepas Fakhr alRazi, al-Iji dan al-Taftazani sehinggalah di zaman sekarang yang mana mereka ini terkenal dengan sikap Jahmiah yang tebal dan permusuhan dengan Ulama Salaf yang kuat.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

### **Kitab-kitab Sandaran:**

Al-Asya'irah:

- ١) Kitab-kitab al-Baqilani seperti; Al-Tamhid dan al-Insaf
- ٢) Kitab-kitab Ibn Furak seperti; Maqalat Abil Hasan al-Asy'ari
- ٣) Kitab-kitab Imam al-Haramain seperti; Qawati' al-Adillah, al-Syamil, dan alNazzamiah
- ٤) Kitab-Kitab Fakhr al-Razi seperti; Asas al-Taqdis, al-Matalib al-'Aliyah dan lainnya.
- ٥) Kitab-kitab Al-Iji terutama: al-Mawaqif fi 'Ilmil Kalam.

Demikian juga antara matan Akidah terpenting dalam akidah ini seperti Jauhirah alTauhid karangan Ibrahim al-Laqqani serta syarah-syarahnya antara yang terutama; Syarah al-Baijuri dan Syarah-syarah al-Laqqani sendiri.

Dalam Alam Melayu pula antara kitab-kitab Asya'irah yang penting adalah seperti; Faridatul Faraid, Aqidah al-Najin, dan al-Durrus Tsamin.

Al-Maturidiah:

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam perbahasan perkembangan mazhab ini. Matan utama akidah ini adalah; al-Aqidah al-Nasafiah.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Terdapat juga Matan yang dianggap menjadi jembatan menghubungkan dua aliran ini seperti Matan Ummul Barahin oleh al-Sanusi<sup>o</sup>.

## **Perbandingan Antara Mazhab Al-Asya'irah dan Al-Maturidiah**

Kedua-dua mazhab ini pada dasarnya adalah termasuk daripada Ahli Kalam alSifatiah (yakni menetapkan Sifat bagi ALLAH) seperti mana juga al-Kullabiah dan tidak jauh jika dikatakan kedua-dua aliran ini adalah sambungan bagi al-Kullabiah kerana manhaj dan usul keduanya diambil daripada asas-asas yang diletakkan oleh Abdullah bin Sa'id al-Kullab.

Maka, Al-Asya'irah dan Al-Maturidiah adalah firqah yang satu walaupun berlaku khilaf dalaman antara kedua firqah ini yang akan kami isyaratkan semasa menyatakan manhaj kedua-dua aliran ini dalam akidah –insya-ALLAH-. (Rujuk: Naqdul Asya'irah wal Maturidiah oleh Khalid al-Ghamidi).

Adapun dari segi jauh atau dekatnya dua firqah ini dengan Ahlus Sunnah wal Jamaah, maka ada di dalam beberapa bab, Al-Asya'irah lebih hampir dengan Ahlus Sunnah terutama al-Mutaqaddimin yang multazim dengan Manhaj al-Kullabiah, mereka ini lebih hampir kepada Ahlus Sunnah dalam masalah Sifat ALLAH daripada alMaturidiah dan Mutaakhirin al-Asya'irah.

---

<sup>o</sup> Matan Ummul Barahin merupakan asas kepada akidah al-Asya'irah Mutaakhirin di Alam Melayu di mana matan ini antara yang pertama menetapkan bagi ALLAH ٢٠ Sifat wajib, hasil pentarjihan antara mazhab al-Asya'irah dan al-Maturidiah.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Adapun dari segi masalah Syarak dan Qadar sebagai contoh, al-Maturidiah lebih hampir kepada Ahlus Sunnah wal Jamaah manakala al-Asya'irah lebih kepada aliran Al-Jabariah.

## **Manhaj Al-Asya'irah & Al-Maturidiah Dalam Aqidah:**

Dalam Fasal ini, kita akan membentangkan Manhaj yang diikuti oleh Al-Asya'irah dan Al-Maturidiah dalam menetapkan Akidah mereka dan perbandingannya dengan Mazhab Ahlus Sunnah wal Jamaah yang dipegang oleh Ulama Salafus Soleh.

### **Pertama: Manhaj Talaqqi**

Manhaj Talaqqi dan Istidlal bermaksud: Methodologi yang digunakan untuk berinteraksi dengan dalil dan menetapkan sesuatu hukum atau iktiqad.

Al-Asya'irah dan al-Maturidiah selaku aliran Ilmu Kalam maka Manhaj mereka dalam mengambil dalil dan menetapkan akidah adalah berdasarkan Akal bukan Wahyu.

#### *1. Mendahulukan Akal atas Naqal*

Apabila berlaku pertembungan antara akal dengan naqal (Wahyu), maka menurut mereka hendaklah didahulukan akal sebagaimana dinyatakan oleh Fakhr al-Razi dalam Asas al-Taqdis:

Maksudnya: "Ketahuilah bahawa dalil-dalil akal yang pasti telah tegak (tsabit) dalam menetapkan sesuatu perkara kemudian kita dapati ada dalil-dalil Naqli

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

(Wahyu) yang menunjukkan seolah-olah pada zahirnya menyalahi perkara itu (yakni yg telah tsabit dgn akal), maka ketiku itu tidak dapat tidak daripada empat keadaan:

Sama ada dibenarkan setiap apa yang ditunjukkan oleh Akal dan Naqal maka ini membawa kepada Pertentangan dan ini mustahil dan sama ada dibatalkan keduanya dan membawa kepada mendustakan kedua-dua yang berlawanan, ini juga mustahil. dan sama ada kita membenarkan zahir-zahir dalil Naqli dan mendustakan zahir dalil-dalil akal, dan tindakan itu batil kerana kita tidak mungkin dapat mengetahui kesahihan dalil-dalil naqli melainkan kita telah mengetahui melalui dalil-dalil akal menetapkan Wujudnya Pencipta, sifat-sifatNya, dan kaifiat petunjuk Mukjizat atas kebenaran Rasul s.a.w dan munculnya mukjizat pada Muhammad s.a.w.

Jika kita mengharuskan mempertikai dalil-dalil akal yang pasti, jadilah akal itu ditohmah tidak dapat diterima, dengan sebab itu ianya terkeluar daripada penerimaan dalam menetapkan prinsip-prinsip ini (menetapkan Kewujudan Tuhan dan Kebenaran Rasul) dan jika kita tidak menetapkan prinsip-prinsip ini maka dalil-dalil naqli juga tidak lagi memberi faedah maka tsabitlah bahawa mencela (dalil Akal) untuk membenarkan dalil-dalil naqli membawa kepada mencela dalil akal dan naqli sekaligus dan ianya juga batil.

Apabila telah batalnya empat perkara ini maka tidak ada yang tinggal melainkan hendaklah dipastikan dengan dalil-dalil akal yang pasti bahawa dalil-dalil Naqli ini sama ada tidak sah atau ianya sah tetapi zahirnya

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

bukanlah yang dikehendaki ..." (1/130)

Hasil daripada perkataan Fakhr al-Razi ini adalah; apabila berlawanan zahir nas-nas al-Quran dan al-Hadis dengan zahir Akal, maka hendaklah yang disalahkan adalah zahir nas-nas al-Quran dan al-Hadis dan dibenarkan dalil-dalil zahir akal lalu nas-nas zahir wahyu tadi hendaklah ditakwilkan atau ditafwidkan atau dikatakan ianya tidak sah.<sup>7</sup>

Mendahulukan akal atas wahyu meruapakan asal segala kefasadan dan kerosakan yang berlaku pada Iblis dan kaum musyrikin. Iblis menolak untuk mematuhi arahan ALLAH yang jelas dengan syubhat akal bahawa; Api lebih mulia daripada Air.

Kaum Musyrikin pula menolak untuk beriman dengan dakwah Rasul dengan alasan tidak masuk pada akal mereka ALLAH mengutuskan seorang manusia sebagai Rasul.

ALLAH berfirman dalam Surah al-Isra' ayat ke-61:

Maksudnya: "Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam"; maka mereka sujudlah melainkan iblis; ia berkata: "Patutkah aku sujud kepada (makhluk) yang Engkau jadikan dari tanah (yang di adun)?"

---

<sup>7</sup> Al-Maturidiah juga mentaqrirkan kaedah yang sama dengan al-Asya'irah. Rujuk Akidah mereka dalam:

\*al-Musamarah fi Syarhil Musayarah, m.s 31 Usuluddin lil Bazdawi, m.s

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Maksudnya: "Daripada Ibn Sirin<sup>y</sup> kata beliau: Yang terwal melakukan Qias adalah Iblis, dan tidaklah disembah matahari dan bulan melainkan dengan sebab qias-qias". [Tafsir Ibn Katsir, 3/393].

Kata al-Imam Ibn Katsir r.h: "dan dia (Iblis) melakukan qias yang rosak berlawanan dengan nas". [Tafsir, 3/392].

Mauqif Ahli Kala ini berbeza dengan Salaf Soleh di mana mereka menyatakan:

١- Aqal yang waras tidak akan berlawan dengan Naqal yang Sahih

٢- Apabila berlaku pertembungan antara Wahyu dan Aqal, ianya hanyalah pertembungan yang relative (nisbi) bukan hakiki dan puncanya adalah kelemahan akal kerana Wahyu tidak datang dengan perkara yang mustahil pada akal tetapi dengan perkara yang menghairankan akal.

٣- Atas dasar itu hendaklah didahulukan wahyu dalam keadaan berlakunya pertembungan ini.

(Rujuk: Syarah al-Aqidah Al-Tahawiah, Ibn Abil Izz, ١/٢٢٧ t. Al-Arnauth, Mukhtasar al-Sawa'iq al-Mursalah, m.s ٩٥, cet Darul Hadis)

Kata Saidina Ali r.a:

---

<sup>y</sup> Muhammad bin Sirin, Tabiin wafat pada ١١٠ H. Imam Hujjah

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Maksudnya: "Jika agama ini dibina atas pandangan (akal) tentulah bahagian bawah Khuf lebih utama untuk disapu daripada atasnya, sedangkan aku melihat Rasulullah s.a.w menyapu bahagian atas khuf". [Sunan Abu Daud, sahih].

Kata Imam Ahmad bin Hanbal r.h dalam Usul Al-Sunnah

Maksudnya: "dan Sunnah itu mentafsirkan al-Quran dan ia adalah petunjukpetunjuk kepada Al-Quran dan tiada pada Sunnah itu Qiyas dan Tidak dibuat padanya perbandingan dan tidak dicapai dengan akal dan hawa nafsu tetapi ianya diperoleh dengan mengikut dan meninggalkan hawa nafsu".

Kata Al-Imam Ibn Abi Zamanin r.h:

Maksudnya: "Ketahuilah –semoga ALLAH merahmati kamu- bahawa Sunnah adalah dalil al-Quran dan ianya tidak dicapai dengan Qiyas dan tidak diambil dengan akal tetapi ianya diperoleh dengan mengikut para Imam dan apa yang telah disepakati atasnya Jumah Umat ini (Salafus Soleh)".

Kata al-Imam Abul Muzaffar al-Sam'ani al-Syafii r.h:

Maksudnya: "dan ketahuilah bahawa pembeza antara kita (Ahlus Sunnah wal Jamaah) dengan Ahli Bidaah adalah masalah: Akal, kerana mereka (Ahli Bidaah) mengasaskan agama mereka atas akal dan menjadikan al-Ittiba' (mengikut Rasul) dan al-Ma'thur (nas-nas wahyu) sebagai ikutan kepada akal, sedangkan Ahlus Sunnah berkata: "Yang asal adalah mengikut (kepada Wahyu)



Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

dan akal adalah ikutan baginya, jika agama ini di asaskan atas akal maka tentulah makhluk tidak memerlukan wahyu lagi dan tidak perlu kepada para Nabi solawatullahi 'alaihi dan akan batal semua makna perintah dan larangan dan akan berkata sesiapa sahaja akan apa sahaja yang hendak dia katakana.." [al-Instisar li Ashabil Hadis, ٨٢].

Kata al-Imam Abu Jaafar al-Tahawi r.h:

Maksudnya: "dan semua yang datang daripada Hadis yang sahih daripada Rasul s.a.w dalam perkara itu maka ianya sebagaimana yang dikatakan oleh baginda dan maknanya sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh baginda, kita tidak memasuki padanya dengan mentakwil berdasarkan pandangan-pandangan kita, tidak pula berwaham (syak wasangka) dengan hawa nafsu kita kerana tidak sejahtera seseorang pada agamanya melainkan mereka yang menyerahkan (urusan agamanya) kepada ALLAH Azza wa Jalla dan kepada Rasul-Nya s.a.w dan mengembalikan ilmu dalam perkara yang dia keliru kepada yang mengetahuinya dan tidak akan tetap tapak kaki Islam melainkan atas belakang penyerahan dan menyerah (kepada ALLAH dan Rasul)".

Demikian dalam perkara ini, jelas bahawa Manhaj al-Asya'irah dan al-Maturidiah berlawanan dengan apa yang dinyatakan para Ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah.<sup>^</sup>

---

<sup>^</sup> Bagi menjelaskan syubhat-syubhat mereka dlm masalah ini, menjadi keutamaan untuk merujuk:

١- Syarah Akidah al-Tahawiah oleh Ibn Abil Izz al-Hanafi, Bab Rukyah (Melihat ALLAH)

٢- Al-Sawa'iq al-Mursalah oleh Ibn al-Qayyim juz ke-٣ Fasal ke-٢٤, Thaghut ke-٢

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## ۲. Nas-nas Wahyu Tidak memberikan Faedah Yakin dan Ilmu.

Menurut al-Asya'irah dan Al-Maturidiah, Akidah Islam hanya tsabit dengan akal, bukan dengan naqal kerana naqal di sisi mereka adalah nas-nas yang bersifat zanni (sangkaan) bukan Yakin berbeza dengan akal (yakni akal memberikan keyakinan).

Kata Fakhr al-Razi dalam Muhassilul Afkar (m.s ۵۱):

Maksudnya: "Dalil Lafzi (Wahyu) tidak memberikan keyakinan melainkan setelah diyakini ada padanya ۱۰ perkara".

Lalu dia menyebut ۱۰ perkara itu:

- Terpeliharanya para perawi lafaz itu
- Kesahihan I'rabnya  Kesahihan tasrifnya
- Tidak ada isytirak dan majaz
- Tidak ada takhsis dengan tempat atau individu
- Tidak ada idmar
- Tidak ada taqdim dan ta'khir
- Tidak ada dalil aqli yang melawannya yang jika ada maka dalil aqli itu akan dimenangkan atasnya.

Kemudian kata al-Razi:

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Maksudnya: "dan jika yang penghasilnya pun sudah sesuatu yang zanni (sangkaan) maka bagaimana pula anggapan kamu terhadap natijah itu sendiri?"

Yakni, jika perkara yang diperlukan ini untuk menjadikan dalil lafzi sesuatu yang meyakinkan adalah sebenarnya perkara yang zanni maka lebih utama dalil lafzi itu sendiri zanni tidak memberikan keyakinan dan hal ini disebut juga olehnya dalam alMatalib al-'Aliyah (9/71).

Kata Saifuddin al-Amidi dalam Abkarul Afkar (1/280) selepas mendatangkan nas-nas yang digunakan oleh Ashab (al-Asya'irah) untuk menetapkan bagi ALLAH sifat alQuwwah (kekuatan):

Maksudnya: "secara keseluruhannya, cara beristidlal dalam bab ini (bab sifat ALLAH) dengan nas-nas yang disebutkan (yakni: ayat-ayat al-Qur'an) tidak keluar daripada zan (sangkaan) dan tekaan dan ianya tidak mencukupi dalam perkara-perkara Yaqiniyyat".

Kata Saad al-Taftazani al-Maturidi setelah mendatangkan ayat-ayat dan hadis-hadis Sifat yang pada pandangannya menimbulkan Tasybih:

Maksudnya: "dan jawab atasnya adalah: Ianya adalah perkara sam'ie yang zanni (sangkaan) yang berlawanan dengan kepastian-kepastian akal maka ianya bukan dengan makna zahirnya ..." [Syarhul Maqasid, 2/67].

Bagaimana seorang muslim yang mempunyai sebesar zarah Iman boleh mempertikaikan kata-kata Tuhannya dan Rasulnya? Kemudian bersangka bahawa akalnya

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

lebih benar daripada kata-kata Tuhan yang menciptakan akal dan sekalian alam ini?

Berbeza dengan sikap Al-Salaf al-Soleh yang amat memuliakan nas-nas wahyu sebagaimana telah kita sebutkan sebahagian perkataan mereka di atas dan lihat pula perkataan Imam Ahmad berikut:

Maksudnya: "Kita menyembah ALLAH dengan sifat-sifatNya seperti mana Dia sifatkan untuk diriNya dan Dia telah menyebutkan sifat secara mujmal (tanpa Kaifiat) terhadap diriNya dan kita tidak akan melangkau al-Quran dan al-Hadis maka kita berkata seperti mana Dia berkata dan kita sifatkan seperti mana Dia sifatkan diriNya dan kita tidak melebihi had ini" [al-Ibanah al-Kubra, ۷/۳۲۶].

Bagaimana mungkin kita menyatakan bahawa nas-nas Wahyu tidak memberikan keyakinan sedangkan ALLAH Ta'ala berfirman dalam Surah al-Nisaa ayat ke-۸۷:

Maksudnya: "dan Siapakah yang lebih benar daripada ALLAH perkataannya?"

Maksudnya: "Aku meninggalkan pada kamu dua perkara yang mana kamu tidak akan tersasar selamanya selagi mana kamu berpegang dengan keduanya: "Kitab ALLAH dan Sunnah Nabi-Nya" [Muwatta' Malik].

ALLAH Ta'ala berfirman:  
Sedangkan Rasulullah s.a.w telah bersabda:

Maksudnya: "Katakanlah: Telah membawa turun akannya (al-Quran) Ruh alQudus (Jibril) daripada Tuhan

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

kamu dengan benar untuk menetapkan orang-orang beriman dan menjadi petunjuk dan khabar gembira bagi kaum muslimin (yang menyerah diri patuh kepadanya)". [al-Nahl: ١٠٢]

Sifat kaum muslimin mukminin apabila mereka mendengar Kalam ALLAH adalah; mereka membenarkannya kemudian hati mereka tenang dan menerimanya dengan sepenuh jiwa (rujuk: Tafsir Ibn Katsir).

Maka bandingkan sikap Ahli Kalam dengan apa yang sepatutnya seorang mukmin lakukan dengan ayat-ayat ALLAH dan hukum hakam RasulNya, jelas mereka tidak berada di atas jalan yang benar.

#### ٢. Hadis Ahad Tidak Menjadi Hujjah Yaqini

Di sisi Ahli Kalam, al-Asya'irah dan al-Maturidiah; Hadis-hadis Ahad tidak memberikan hujah dalam urusan akidah kerana ia hanya memberikan dalalah (petunjuk) zanni (tidak pasti).

Kata 'Aduddin al-Ieji:

Maksudnya: "Adapun Ashab kami (Al-Asya'irah) dalam menetapkan wajib mengkaji yang menghasilkan pengetahuan mempunyai dua cara: Yang pertama adalah dengan berdalilkan dengan zahir ayat-ayat dan hadis-hadis yang menunjukkan wajibnya mengkaji dalam mendapat pengetahuan ..... (sehingga dia berkata): dan cara ini tidak mengeluarkannya sebagai zanni, dalalahnya tidak pasti (tidak meyakinkan) kerana berkemungkinan perintah bukan atas bentuk kewajipan

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

dan atas dasar khabar yang dibawa adalah Ahad". [AlMawaqif, ١/١٤٨].

Maka menurut al-Ieji, tindakan menetapkan sesuatu urusan akidah (yang mereka pegang) dengan menggunakan dalil-dalil wahyu dan hadis-hadis Ahad tidak memberikan keyakinan dan kepastian.

Kata Fakhr al-Razi (Asas al-Taqdis, ١/١٢٧):

Maksudnya: "Adapun berpegang dengan Khabar Ahad dalam mengenal ALLAH Taala maka ianya Tidak dibolehkan dan menunjukkan atas perkara ini beberapa wajah; yang pertamanya: Bahawa Khabar Ahad Zanni (tidak meyakinkan) maka tidak boleh berpegang dengannya dalam mengenal ALLAH Ta'ala dan Sifat-sifatNya".

Kata Sa'ad al-Taftazani (daripada al-Maturidiah) (Syarhul Maqasid, ٢/١٩٨):

Maksudnya: "...kerana sesungguhnya Khabar Ahad atas anggaran mencukupi semua syarat-syaratnya (syarat hadis sahih) ia tidak memberikan faedah melainkan secara za (sangkaan yg tidak meyakinkan) dan tidak menjadi iktibar melainkan dalam urusan 'amaliah (Fiqh) tidak dalam Iktiqad".

Cukuplah dibuktikan pendapat mereka ini berlawanan dengan apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w bahawa Rasulullah s.a.w menghantar utusan baginda untuk berdakwah secara Ahad (perseorangan); baginda menghantar Mus'ab bin Umair untuk berdakwah di Madinah dan mengajarkan al-Ansar Islam, baginda menghantar utusan kepada para Raja 'Ajam berdakwah

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

kepada mereka menyeru kepada Tauhid dengan seorang wakil sahaja, dan baginda s.a.w menghantar Mu'az bin Jabal r.a ke Yemen seorang sahaja untuk berdakwah kepada mereka dan Nabi s.a.w berpesan kepada Mu'az: "Hendaklah perkara pertama yang engkau serukan kepada mereka: supaya mereka mentauhidkan ALLAH".

Kata al-Imam Ibn Khuzaimah r.h:

Maksudnya: "Kerana kita tidak menyifatkan Sembahan kita melainkan dengan apa yang Dia sendiri sifatkan untuk diriNya sama ada di dalam Kitab ALLAH atau melalui Nabi-Nya s.a.w dengan riwayat seorang yang adil daripada seorang yang adil bersambung kepada baginda, kita tidak berhujah dengan hadis yang terputus sanadnya dan tidak pula dengan khabar-khabar lemah dan tidak juga kita berhujah dalam sifat-sifat Sembahan kita dengan Pandangan-pandangan dan Qiyasan". [al-Tauhid, ۱۳۶].

Adapun Ahli Kalam, mereka menterbalikkan manhaj ini di mana mereka tidak mahu berhujah dengan hadis yang diriwayatkan seorang adil daripada seorang yang adil sehingga bersambung kepada Rasulullah s.a.w tetapi mahu pula berhujah dengan akal dan qiyasan.

Manhaj al-Asya'irah & al-Maturidiah Dalam Tauhid

۱. Awal Wajib Atas Mukallaf

Para Rasul dan Nabi diutuskan ALLAH Ta'ala membawa dakwah Tauhid yakni seruan supaya meng-Esakan ALLAH dalam 'Ibadah kepada-Nya sebagaimana firman ALLAH Ta'ala:

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Maksudnya: "Dan Telah Kami utuskan pada setiap Umat seorang Rasul supaya menyeru mereka: Hendaklah kamu menyembah ALLAH dan menjauhi Thaghut.." [Al-Nahl: ٣٦].

Firman ALLAH Ta'ala juga:

Maksudnya: "Maka Kami utuskan kepada mereka Rasul daripada kalangan mereka supaya mengajak mereka; Sembahlah ALLAH yang tiada bagi kamu sembah selain Dia maka apakah kamu tidak mahu bertakwa?" [al-Mukminun: ٣٢].

Dalam Hadis yang sahih dalam Sunan al-Sittah, ketika Rasulullah s.a.w menghantar Mu'az bin Jabal r.a kepada Ahli Yemen yang merupakan Ahli Kitab, sabda baginda:

Maksudnya: "Maka hendaklah awal perkara yang kamu serukan kepada mereka; supaya mereka mengesakan ALLAH Ta'ala".

Dalam lafaz yang lain:

Maksudnya: "Hendaklah awal perkara yang kamu serukan mereka kepadanya; Beribadat kepada ALLAH".

Dan sebahagian riwayat pula kepada Dua Kalimah Syahadah.

Maka Ahlus Sunnah wal Jamaah berkeyakinan penuh yang wajib atas manusia adalah mentauhidkan ALLAH dan menjauhi Syirik berbeza dengan al-Asya'irah dan



Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

alMaturidiah<sup>4</sup> yang menyatakan Awal kewajiban makhluk adalah mengenal ALLAH atau mengkaji yakni kewujudan ALLAH dan ada yang menyatakan: Syak akan kewujudan ALLAH<sup>5</sup> berlawanan dengan Firman ALLAH:

Maksudnya: "Berkata para Rasul mereka: Adakah masih wujud keraguan berkenaan ALLAH, Pencipta Langit-langit dan Bumi?" [Ibrahim: 10].

Kata Abu Jaafar al-Simnani [w.1111], Ulama besar al-Asya'irah dan anak murid besar al-Baqilani; Masalah mewajibkan mengkaji untuk mengenal ALLAH adalah antara masalah yang berbaki daripada Akidah Muktaizilah yang ada pada Abul Hasan alAsy'ari. [Lihat: Fathul Bari, 13/349 dan Dar-u Ta'arud al-Aql wan Naql, 7/107].

## 2. Jenis-jenis Tauhid

Al-Asya'irah dan al-Maturidiah sering menuduh Ahlus Sunnah wal Jamaah sebagai pengikut akidah: Trinita kerana membahagikan Tauhid kepada 3 jenis (al-Uluhiyah, al-Rububiyah, al-Asma' was Sifat) walaupun pembahagian Ahlus Sunnah wal Jamaah ini berdalilkan kepada Istiqra' ayat-ayat al-Quran dan Hadis-hadis yang sahih.

---

<sup>4</sup> Lihat Mazhab mereka dalam: al-Mawaqif oleh al-Ieji, juz 1 m.s 160-166, al-Maqsad ke-7

<sup>5</sup> Ini adalah Qaul Abu Hamid al-Ghazali dalam Mizanul 'Amal: "memandangkan syak-syak yang menyampaikan kepada kebenaran maka barangsiapa yang tidak syak dia tidak akan mengkaji".

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Namun, Al-Asya'irah dan al-Maturidiah sendiri membahagikan Tauhid kepada ۳ bahagian dan pembahagian mereka ini tidak bersandar kepada wahyu tetapi kepada akal serta membawa kepada menafikan sifat-sifat ALLAH.

Kata Al-Syahrastani dalam Nihayatul Iqdam (m.s ۳۱):

Maksudnya: "Maka al-Bari Ta'ala itu Esa pada Zat-Nya tiada bahagian baginya, Esa pada Sifat-Nya tiada seumpama bagi-Nya, dan Esa dalam perbuatan-Nya tiada sekutu bagi-Nya".

Demikian juga pembahagian yang sama di sisi al-Maturidiah seperti yang dijelaskan oleh al-Ghunaimi dalam Syarah Akidah Tahawiah karangannya (m.s ۴۷-۴۸).

Menurut mereka, Tauhid dalam Zat melazimkan penafian terhadap:

- Taqsim (pembahagian Zat)
- Tarkib
- Tab'idh

Maka dengan itu mustahil pada ALLAH itu mempunyai sifat-sifat seperti; mata, tangan, kaki, betis, jari yang tsabit dalam nas-nas yang sah kerana ini melazimkan Taqsim, Tarkib, dan Tab'idh pada zat ALLAH.

Tauhid pada Sifat pula mereka menafikan daripada ALLAH sifat-sifat yang pada sangkaan mereka membawa Tasybih selain sifat-sifat zatiah di atas, seperti Nuzul, Istiwa', Datang, Murka, Ketawa, Reda dan

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

baragsiapa yang mengisbatkan sifat-sifat ini di sisi mereka adalah musyrik kerana menyamakan Tuhan dengan Makhluk. (rujuk: Naqdul Asya'irah wal Maturidiah, Khalid al-Ghamidi, m,s ١٨٨-١٨٩)

Maka al-Asya'irah dan al-Maturidiah dalam perkara ini bersama-sama dengan Muktazilah di mana Muktazilah dalam rukun mereka yang Lima (٥) salah satunya adalah Tauhid dan dimaksudkan dengan Tauhid adalah menafikan Sifat-sifat ALLAH.

٣. Sikap Mereka Terhadap Tauhid al-'Ibadah/ al-Uluhiyah

Menurut al-Asya'irah dan al-Maturidiah; Tidak ada perbezaan di antara Makna alRabb dengan makna Al-Ilah, maka di sisi mereka Tauhid al-Uluhiyah adalah Tauhid al-Rububiyah.

Kata Abdul Qahir al-Baghdadi dalam Usuluddin:

"Telah berbeza Ashab kita berkenaan makna al-Ilah; ada antara mereka yang berkata ianya diambil daripada: al-Ilahiyah iaitulah Kudrat-Nya untuk mencipta sesuatu dan ini adalah pilihan al-Asy'ari". [m.s ١٢٣, cet. Istanbul].

Berkata al-Qusyairi dalam Syarah al-Asma' al-Husna:

"dan al-Ilahiah adalah Kudrat (kemampuan) untuk mencipta dan ada antara mereka berkata: Dia adalah yang memiliki Penciptaan dan Pemerintahan".[ Naqdul Asya'irah wal Maturidiah, ١٩٥].

Kata al-Sanusi dalam Matan Ummul Barahin:

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Maksudnya: "Kerana makna al-Uluhiyah adalah: Kekayaan Ilah daripada selainNya dan berhajatnya selain-Nya kepada-Nya maka makna La ilaha IllALLAH adalah: Tidak ada yang terkaya daripada selainnya dan berhajat kepadanya selainnya melainkan ALLAH".

Terdapat juga Tafsiran al-Asya'irah dan al-Maturidiah terhadap kalimah Ilah sebagai al-Ma'bud (yang berhak disembah) namun, membolehkan dua tafsiran terhadap Ilah dengan makna Pencipta dan Yang disembah menunjukkan mereka tidak membezakan sama sekali antara Tauhid al-Uluhiyah dan al-Rububiyah.

Tindakan keliru Ulama al-Asya'irah dan al-Maturidiah ini menjerumuskan pengikut mereka dewasa ini ke lembah Syirik Akbar yang lebih teruk daripada Syirik Abu Jahal dan Abu Lahab.

Menurut mereka, seseorang yang menyembah kubur, sujud kepada kubur dengan ta'zim dan ijlal, memohon doa kepada orang yang mati dan ghaib dan sebagainya tidak menjadi syirik selama mana mereka tidak berikhtiqad yang disembah dan diseur itu mempunyai kekuasaan tersendiri yang bebas daripada kekuasaan ALLAH, adapun jika dia berikhtiqad yang memberi manfaat dan mudarat adalah ALLAH jua, wali-wali dan mayat-mayat ini hanya sebagai wasilah maka tidak lah memberi mudarat kepada akidah sedikitpun.

Kata Ibn Zaini Dahlan dalam Al-Durar al-Saniah fi Raddi 'alal Wahhabiah:

Maksudnya: "Adapun yang merosakkan Tauhid adalah iktiqad adanya yang member kesan selain ALLAH dan berikhtiqad al-Uluhiyah dan hak ibadah kepada selain

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

ALLAH, adapun semata-mata menyeru tanpa beriktidad apa-apa maka tiada apa-apa mudarat padanya". (Lihat: Naqdul Asya'irah wal Maturidiah, m.s ٢٠٠).

Kata Muhammad Abduh al-Maturidi dalam Risalah al-Tauhid:

Maksudnya: "Adapun Syirik adalah Iktiqad bahawa selain ALLAH mempunyai kesan melebihi apa yang diberi ALLAH kepadanya daripada sebab-sebab yang zahir dan bahawa bagi sesuatu itu kekuasaan yang melebihi kekuatan makhluk ..." (m.s ٣٣).

Hasil daripada dua pembentangan daripada Ulama Asya'irah dan Maturidiah Mutaakhirin ini, Syirik di sisi mereka adalah: Iktiqad adanya kuasa selain ALLAH memberi kesan, adapun tanpa Iktiqad, ianya tidak dikira Syirik.

Sebenarnya, isu ini juga berkait rapat dengan manhaj al-Asya'irah dan al-Maturidiah dalam masalah Iman, di mana mereka mengikut qaul Murjiah bahawa Iman adalah Tasdiq (membenarkan) dengan hati sebagaimana yang akan kita bentangkan nanti insya-ALLAH.

Maka kita dapati ramai daripada Al-Asya'irah dan al-Maturidiah hari ini yang terjebak dalam penyembahan kubur dan meminta doa kepada orang mati dan ghaib bahkan lafaz-lafaz yang mereka gunakan sarik menyatakan iktiqad memberi kesan seperti perkataan al-Busiri dalam Qasidah al-Burdah:

Maksudnya: "Maka sesungguhnya daripada kemurahan-mu adalah Dunia dan madunya (Akhirat) dan daripada Ilmu engkau adalah Ilmu Lauh dan Qalam".

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Jelas perkataan al-Busiri ini menyatakan Dunia dan akhirat milik Rasulullah s.a.w dan Ilmu Lauh Mahfuz adalah Ilmu Rasulullah s.a.w , ini semua adalah Khususiah Rububiyah ALLAH yang diberikan kepada makhluk.

Namun, kata Al-Asya'irah, Alwi al-Maliki dalam Mafahim m.s ٢٥:

Maksudnya: "dan jika didapati pada kalam kaum mukmin menyandarkan sesuatu kepada selain ALLAH Ta'ala wajib dibawak kepada Majaz 'Aqli dan tidak ada ruang untuk mengkafirkan mereka". [Lihat: Hazihi Mafahimuna, ١٢٧].

Ini menunjukkan betapa tebalnya akidah Murjiah di sisi Al-Asya'irah di mana perkataan dan perbuatan kufur tidak menjadikan pelakunya kafir selagi mana tidak ada Iktiqad.

Apa yang dipegang oleh al-Asya'irah dan al-Maturidiah ini amat berlawanan sama sekali dengan nas-nas al-Quran dan Hadis yang menunjukkan bahawa mereka yang melakukan Syirik Uluhiyah seperti berdoa kepada orang mati walaupun tidak berikhtiqad si mati itu memiliki kuasa manfaat dan mudarat, perbuatannya ini sudah dianggap syirik akbar (besar).

Ini kerana maksud al-Ilah di sisi Ahlus Sunnah wal Jamaah adalah:

Maksudnya: "dan al-Ilahiah adalah: Keadaan di mana para Hamba menjadikan Dia s.w.t sebagai yang dikasihi diabdikan diri pada-Nya, meng-EsakanNya dengan cinta,

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

takut, harap, tunduk, taubat, nazar, taat, memohon, tawakkal, dan seumpama perkara ini". [Tajrid al-Tauhid al-Mufid, al-Maqrizi al-Syafii, m.s ٥].

Allah di dalam bahasa Arab adalah al-Ma'bud (yang disembah). Kata Ibn al-Faris r.h dlm Maqayis al-Lughah:

Maksudnya: "Al-Hamzah, dan al-Lam, dan al-Ha', asal yang satu iaitulah al-Ta'abbud (mengabdikan diri) maka al-Ilah adalah ALLAH Ta'ala, dinamakan dengan itu kerana Dia lah yang disembah dan dikatakan: Ta-ALLAHa al-Rajul: jika dia beribadat".

Kata Ibn Manzur r.h dalam Lisanul Arab:

Maksudnya: A-li-ha: al-Ilah: ALLAH Azza wa Jalla, dan setiap yang dijadikan selain-Nya sebagai sembah adalah Ilah di sisi yang menyembahnya dan jamaknya adalah: Aa-Lihah.

Maksudnya: Daripada Abdullah bin Abbas r.huma kata beliau: "ALLAH" yang memiliki al-Uluhiyah dan Yang perlu disembah oleh sekalian makhlukNya". [Tafsir al-Tabari, ١/١٢٣]

Firman ALLAH Ta'ala:

Maksudnya: "dan Dial ah yang di langit adalah Ilah dan di bumi juga Ilah" [alZukhruf: ٨٤].

Kata Ibn Jarir al-Tabari r.h:

Maksudnya: "dan ALLAH yang bagi-Nya al-Uluhah di Langit Dia disembah, dan di bumi Dia disembah seperti mana Dia disembah di langit, tiada suatu pun selain Dia layak disembah; berkata Ta'ala Zikruh: Maka Esakanlah

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

bagi Yang begini Sifatnya dengan Ibadah dan kamu sekutukan dengan-Nya sesuatu pun". [٢١/٦٥٢].

Tauhid al-Uluhiyah di sisi Ahlus Sunnah wal Jamaah mengandungi Tauhid alRububiyah dan Tauhid al-Rububiyah melazimkan Tauhid al-Ilahiah [Syarah alTahawiah, Ibn Abil Izz, ١/٢٩].

Kaum Musyrikin Mekah di zaman Rasulullah s.a.w juga mengakui ALLAH sebagai Rabb yakni: Pencipta dan Pentadbir 'Alam ini, Menghidup dan Mematikan, Menurunkan Rezeki dan Hujan, mereka tidak pernah beriktihad bahawa berhalaberhala mereka mempunyai kuasa tersendiri dalam member manfaat dan mudarat.

Ini sebagaimana yang ALLAH Ta'ala terangkan dalam surah Yunus ayat ke-٣١:

Maksudnya: "Katakanlah: Siapakah yang memberikan kamu rezeki daripada langit dan bumi? Siapa pula yang memiliki pendengaran dan penglihatan dan Siapa pula yang mengeluarkan yang hidup daripada yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup dan Siapa pula yang mentadbir segala urusan? Maka mereka akan menjawab: ALLAH! Maka katakana kepada mereka: Apakah tidak patut kamu bertakwa?!".

Firman ALLAH dalam ayat ke-١٠٦ Surah Yusuf:

Maksudnya: "dan Tidaklah kebanyakan mereka itu beriman kepada ALLAH melainkan dalam keadaan mereka melakukan syirik".

Kata al-Baghawi r.h dalam Tafsir:



Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

"Maka adalah antara Iman mereka: Jika ditanya: Siapakah yang menciptakan Langit-langit dan Bumi? Mereka berkata ALLAH. Jika ditanya siapakah yang menurunkan Hujan? Maka mereka menjawab: ALLAH. Kemudian dalam keadaan iqrar itu mereka menyembah berhala syirik kepada ALLAH" [٤/٢٨٣].

ALLAH berfirman dalam surah Yunus ayat ke-١٨:

Maksudnya: "dan mereka menyembah selain ALLAH apa yang tidak memberikan mereka mudarat dan tidak memberikan mereka manfaat lalu mereka berkata: 'Ini adalah para pemberi Syafaat untuk kami di sisi ALLAH'. Katakan (kepada mereka): Adakah kamu hendak memberitahu ALLAH perkara yang Dia tidak tahu di langit-langit dan tidak pula di bumi? Maha Suci Dia dan Maha Tinggi daripada apa yang kamu sekutukan".

Jelas sekali bahawa kaum musyrikin Mekah dahulu walaupun mereka beriktihad yang memberi mudarat dan manfaat hanya ALLAH, namun ALLAH menghukum mereka sebagai musyrik dan kafir semata-mata dengan tindakan mereka beribadat kepada selain ALLAH.<sup>١١</sup>

#### ٤. Al-Asma' was Sifat

Al-Asya'irah dan al-Maturidiah berbeza dengan al-Jahmiah Tulen dan al-Muktazilah kerana mereka secara umumnya menetapkan bagi ALLAH nama-nama dan Sifat-sifat tetapi mereka juga bersetuju dengan Jahmiah dan Muktazilah dalam menafikan sebahagian Sifat ALLAH.

---

<sup>١١</sup> Rujuk: Kajian berkenaan Tawassul dan Tabaruk yang disediakan oleh Ustaz Fathan Adi

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

### *ε. 1. Manhaj Al-Asya'irah dan al-Maturidiah dalam Menetapkan Nama dan Sifat ALLAH*

Sebagaimana yang telah lalu dalam menjelaskan manhaj Talaqqi al-Asya'irah dan alMaturidiah, mereka menjadikan Aqal dan Ilmu Falsafah sebagai pendahulu dalam menetapkan Akidah terutama dalam masalah Sifat-sifat ALLAH dan nama-namaNya.

Secara ringkasnya manhaj mereka dalam masalah ini adalah:

- Hadis-hadis Ahad tidak menjadi Hujjah dalam menetapkan Akidah dan Sifatsifat ALLAH.
- Hanya menetapkan Sifat yang dinamakan Sifat 'Aqliah yang ditetapkan oleh Akal menurut mereka.
- Menggunakan Dalil-dalil Aqli (yang pada hakikatnya Falsafah Yunani) dalam menetapkan Sifat-sifat ALLAH
- Menyangka berlakunya pertentangan antara Nas yang Sahih dengan Akal yang Sarih lalu dalam keadaan ini didahulukan akal.
- Zahir-zahir Nas di sisi mereka mengandungi Tasybih dan Tidak dikehendaki maknanya maka perlu ditakwil atau ditafwid
- Menggunakan alasan Majaz untuk mengalih makna Zahir Sifat

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

□ Ayat-ayat Sifat di sisi mereka adalah ayat-ayat mutasyabihat maka dalalahnya adalah zanni bukan qath'ie

□ Menyangka dalam menetapkan Sifat-sifat tertentu kepada ALLAH adalah menyamakan ALLAH dengan makhluk dan membawa kepada Hulul alHawadis.

[Lihat: Naqdul Asya'irah wal Maturidiah, m.s ۲۶۵-۲۶۶]

Di sisi Ulama Salaf pula:

□ Akidah adalah bersifat Tauqifi yakni Tiada ruang bagi akal untuk menetapkan apa-apa masalah akidah secara bersendirian, bahkan Naqal (wahyu) adalah asal dalam masalah ini dan akal hanya sebagai alat yang diberikan ALLAH untuk memahami khitab (perintah) dan akal yang sarif (yang bersih daripada syubhat dan sejahtera fitrahnya) tidak akan berlawanan dengan naqal sama sekali walaupun kadang-kadang nas-nas Wahyu membawa kehairanan kepada akal dan dalam keadaan ini hendaklah didahulukan Naqal atas Aqal kerana Wahyu adalah maksum (terpelihara daripada kesalahan) sedangkan akal adalah makhluk yang terdedah sepanjang masa kepada kesalahan.

□ Ulama Salaf juga tidak pernah membezakan antara khabar ahad dan mutawatir dalam menetapkan Sifat-sifat ALLAH, nama-namaNya, dan masalah akidah keseluruhannya bahkan yang menjadi syarat di sisi mereka adalah khabar itu sahih.

□ Zahir nas pula di sisi Salaf tidak mengandungi sebarang tasybih dengan makhluk kerana setiap sifat itu apabila disandarkan kepada mausufnya maka sifat itu bersesuaian dengan keadaan mausufnya.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

□ Zahir nas di sisi Ulama Salaf maklum (diketahui) maknanya melalui Bahasa Arab kerana ALLAH menurunkan Al-Quran dalam bahas Arab demikian juga Rasul-Nya Muhammad s.a.w adalah seorang Arab yang fasih diutuskan kepada kaum Arab yang Fasih tetapi Kaifiat Sifat-sifat ALLAH adalah majhul (tidak diketahui) maka ianya diserahkan (ditafwid) kepada ALLAH Ta'ala.

□ Nas-nas Sifat di sisi Ulama Salaf dengan itu adalah Muhkam dari segi makna tetapi Mutasyabih dari segi Kaifiat.

□ Nas-nas Sifat bukan Majaz kerana dengan menyatakan wujudnya Majaz dalam Nas-nas Wahyu membuka pintu untuk didustakan Kalam ALLAH dan RasulNya dengan alasan Majaz dan tiada dalam kalangan Ulama Salaf yang menyatakan nas-nas ini sebagai Majaz.

Nukilan daripada Ulama Salaf yang menunjukkan kaedah-kaedah mereka di atas:

Kata Imam Ahmad bin Hanbal r.h:

Maksudnya: "Tidak disifatkan ALLAH melainkan dengan apa yang Dia sifatkan dengannya diri-Nya atau Rasul-Nya s.a.w sifatkan dengannya diri-Nya, Tidak dilangkaui Al-Quran dan Hadis" [Al-Ihtijaj bil Atsar al-Salafiah, m.s ٤١].

Kata al-Imam Ibn Khuzaimah r.h:

Maksudnya: "Kerana kita tidak menyifatkan Sembahan kita melainkan dengan apa yang Dia sendiri sifatkan untuk diriNya sama ada di dalam Kitab ALLAH

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

atau melalui Nabi-Nya s.a.w dengan riwayat seorang yang adil daripada seorang yang adil bersambung kepada baginda, kita tidak berhujah dengan hadis yang terputus sanadnya dan tidak pula dengan khabar-khabar lemah dan tidak juga kita berhujah dalam sifat-sifat Sembahan kita dengan Pandangan-pandangan dan Qiyasan". [al-Tauhid, ۱۳۶].

Kata al-Imam Ibn Battah al-'Akbari r.h:

Maksudnya: "Maka antara alamat (tanda-tanda) orang beriman itu adalah; dia menyifatkan ALLAH dengan apa yang Dia sifatkan bagi diri-Nya dan dengan apa yang Rasul-Nya s.a.w sifatkan bagi diri-Nya berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh para Ulama, para perawi yang tsiqah (dipercayai) daripada Ahli Riwayat (Ahli Hadis) yang mana mereka itu adalah Hujjah dalam apa yang mereka riwayatkan dalam masalah Halal dan Haram, Sunnah-sunnah dan atasar-atsar, dan tidak dikatakan kepada apa yang telah sahih daripada Rasulullah s.a.w (daripada hadis-hadis Sifat): Bagaimana? Dan tidak juga: Kenapa? Bahkan mereka mengikut (Hadis) dan tidak mereka-reka, menyerahkan diri dan tidak membantah, meyakini dan tidak ragu-ragu dan teragak-agak". [Al-Ibanah al-Kubra, ۳/۹۱].

Kata Imam Muhammad bin al-Husain al-Ajurry r.h:

Maksudnya: "Ketahuilah –semoga ALLAH memberikan Taufiq kepada kami dan kamu kepada petunjuk yang benar daripada Perkataan dan Perbuatan- Bahawa Ahli Haq menyifatkan ALLAH Azza wa Jalla dengan apa yang Dia sifatkan bagi diri-Nya Azza wa Jalla dan dengan apa yang Rasul-Nya s.a.w menyifatkan dengannya diri-Nya dan dengan apa yang para Sahabat

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

r.hum sifatkan bagi diri-Nya, dan inilah mazhab para Ulama yang mengikut (sunnah) dan tidak melakukan bidaah, dan tidak dikatakan padanya: "Bagaimana?" bahkan hendaklah menyerah diri kepadanya dan beriman dengannya". [alSyari'ah, ٢/١٠٥١].

Kata Imam Nu'aim bin Hammad r.h:

Maksudnya: "Barangsiapa yang menyamakan ALLAH dengan makhluk-Nya maka dia kafir, barangsiapa yang ingkar apa yang ALLAH sifatkan diri-Nya dengannya maka dia juga kafir".

Maksudnya: "dan tiada pada apa yang ALLAH sifatkan dengannya diri-Nya dan tidak pula apa yang Rasul-Nya sifatkan bagi-Nya Tasybih, maka barangsiapa yang menetapkan bagi ALLAH apa yang datang daripada ayat-ayat yang sarif dan khabar-khabar (hadis-hadis) yang Sahih atas wajah yang layak bagi Kebesaran ALLAH Ta'ala dan menafikan daripada ALLAH Ta'ala segala kekurangan maka dia telah melalui jalan Hidayah". [Tafsir Ibn Katsir: ٣/٤٢٧].

Kata al-Imam Sufyan bin 'Uyainah r.h:

Maksudnya: "Semua yang ALLAH sifatkan dengannya diriNya dalam Al-Quran maka bacaannya adalah tafsirannya, tidak ditanya Bagaimana? Dan tidak dibuat perumpamaan". [Syarah Usul Iktiqad, ٣/٤٧٨].

Pernyataan ini Nu'aim bin Hammad dan Ibn 'Uyainah ini jelas menunjukkan bahawa di sisi ulama Salaf zahir nas ayat-ayat dan hadis Sifat tidak mengandungi Tasybih dengan makhluk dan mereka beriman dengan zahirnya tanpa membuat takwil menyalahi zahirnya.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Kata Rabi'ah al-Ra'yi r.h dan perkataan beliau ini menjadi kaedah jami'ah bagi akidah Salaf dalam Sifat-sifat ALLAH:

Maksudnya: "Al-Istiwa' itu tidak majhul (tidak tersembunyi maknanya pada bahasa) sedangkan bagaimana itu tidak diketahui dan daripada ALLAH alRisalah, atas RasulNya menyampaikan dan atas kita wajib membenarkan" [Syarah Usul Iktiqad, ٣/٤٤١]

Kata murid beliau, Imam Malik bin Anas r.h:

Maksudnya: "Al-Istiwa' tidak majhul (yakni maklum maknanya) sedangkan Kaif (bagaimana) tidak diketahui dan beriman dengannya wajib dan bertanya (bagaimana) adalah bidaah". [Al-Atsar al-Masyhur 'an al-Imam Malik fi Sifat alIstiwa', Abdul Razak al-Badr, m.s ٤٣].

Kata Imam Qiwamus Sunnah Ismail al-Taimi r.h:

Maksudnya: "Berbicara berkenaan Sifat-sifat ALLAH Azza wa Jalla yang datang daripada Kitab ALLAH atau diriwayatkan dengan sanad-sanad yang Sahih daripada Rasulullah s.a.w maka mazhab al-Salaf rahmat ALLAH ke atas mereka sekaliannya adalah; menetapkannya dan membiarkannya atas zahirnya dan menafikan kaifiat (ilmu berkenaannya) daripadanya" [al-Hujjah fi Bayan alMahajjah, ١/١٧٧]

Berdasarkan nukilan-nukilan yang sedikit daripada lautan perkataan Ulama Salaf dalam masalah ini rasanya sudah cukup bagi pencari kebenaran untuk melihat dan meyakini bahawa mazhab al-Asya'irah dan al-Maturidiah

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah  
d disesuaikan dengan buku aslinya

tidak berada atas kebenaran dan menyelisihi Salafus  
Soleh.<sup>12</sup>

---

<sup>12</sup> Rujuk Kajian Berkenaan Tauhid al-Asma' was Sifat yang disediakan  
Ustaz Abdul Aziz Abbas



Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## *ε.۲ Pendirian al-Asya'irah dan al-Maturidiah terhadap Sifat-sifat ALLAH alKhabariah*

Sifat-sifat Khabariah bermaksud: Sifat-sifat yang menurut Ulama Kalam hanya tsabit dengan nas-nas wahyu tetapi tidak dapat dicapai oleh akal bersendirian seperti: Istiwa', Nuzul (turun ke langit dunia), Datang ke Padang Mahsyar, Tangan ALLAH, Mata ALLAH, Kaki ALLAH, Wajah ALLAH dan lainnya yang warid dalam ayatayat al-Quran dan Hadis-hadis Sahih.

Al-Asya'irah dan al-Maturidiah dalam menghadapi Sifat-sifat ini mempunyai dua pandangan:

۱. Takwil Mujmal (yang mereka namakan Tafwid)
۲. Takwil Mufassal (yang mereka sebut "Takwil")

Takwil Mujmal bermaksud; hendaklah diisbatkan lafaz-lafaz ini yakni jika ditanya: Adakah ALLAH bersifat dengan ada dua tangan? Maka dijawab: Ya, tetapi maksud Tangan di sini hanya ALLAH mengetahui dan bukanlah bermaksud tangan seperti yang dimaklumi dalam bahasa.

Secara ringkas; Isbatkan Lafaz tetapi nafikan makna

Atau menurut penjelasan lebih ringkas dan terang: Yakini bahawa Zahir maksud nasnas ini tidak dikehendaki tetapi maksud yang dikehendaki adalah maksud yang lain namun maksud yang lain itu tidak diketahui.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Adapun Takwil Mufassal pula, mereka menentukan makna yang dikehendaki, jika ditanya: ALLAH ada Tangan? Jawab: Ya dan maksud Tangan adalah Qudrat<sup>13</sup>

Apa yang dipegang oleh kedua-dua golongan ini jelas berlawanan dengan apa yang dipegang Ulama Salaf al-Soleh ridwanullahi 'alaihim kerana mereka menetapkan bagi ALLAH makna Sifat tetapi menafikan Kaif (bagaimana) yakni mereka tidak mencaricari bagaimana sifat ALLAH itu.

Al-Asya'irah dan al-Maturidiah seringkali menyandarkan pendapat mereka yang pertama yakni al-Tafwid (takwil Mujmal) kepada Ulama Salaf dan ini berlawanan dengan zahir perkataan Ulama Salaf.

**Pertama:** Ulama Salaf mentafsirkan makna nas-nas Sifat sesuai dengan makna bahasa seperti mana dalam masalah Sifat al-Istiwa'. Kata Imam Abul 'Aliyah alRayyahi r.h:

Maksudnya: "Daripada Abul'Aliyah berkenaan firman ALLAH (maksudnya): kemudian Dia beristiwa' (bersemayam); kata beliau: Irtafa'a (meninggi)". [Tafsir Ibn Abi Hatim, 6/1920]

Berkata Imam Mujahid r.h:

Maksudnya: "Istawa: 'Ala (meninggi) atas Arasy". [Sahih al-Bukhari, 9/124].

---

<sup>13</sup> Lihat: Syarah al-Bajjuri atas Jauhirah al-Tauhid, m.s 106-109, Tahqiq: Ali Jum'ah, Dar Al-Salam & Syarah al-Ghaznawi atas al-Tahwiah, m.s 83-84 & Lihat juga: Bahrul Kalam oleh Maimun al-Nasafi.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Demikian juga kata mereka berkenaan al-Istiwa':

Kata al-Imam Ibn Battah al-'Akbari r.h:

Maksudnya: "dan telah bersepakat kaum muslimin daripada para Sahabat dan Tabiin dan seluruh Ahli Ilmu daripada kaum mukminin bahawa ALLAH Tabaraka wa Ta'ala di atas 'Arasy, di atas langit-langitNya, terpisah daripada makhlukNya sedangkan Ilmu-Nya meliputi semua makhluk-Nya". [Al-Ibanah alKubra, ۷/۱۳۶].

Jelas menunjukkan bahawa Ulama Salaf r.hum mentafsirkan makna Istiwa' sesuai dengan makna bahasa Arab dan memahami maknanya tanpa tasybih dan takyif.

Kedua: Ulama Salaf menafikan kita mengetahui Kaifiat Sifat ALLAH, dan ini menunjukkan mereka menetapkan makna, adapun jika mereka tidak menetapkan makna tentulah mereka akan berkata: "ALLAH lebih mengetahui akan maksudnya" seperti mana yang sebahagian mereka lakukan dalam tafsiran Huruf Muqatta'ah di awal Surah.

Ketiga: Rasulullah s.a.w mengisyaratkan dengan anggota baginda ketika menyebut beberapa Sifat ALLAH dan tindakan ini menurut Ulama adalah untuk menetapkan hakikat Sifat sebagai missal:

Maksudnya: "Daripada Abdullah bin Umar r.huma bahawa beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w sedang baginda berada atas Minbar berkata: "AlJabbar (ALLAH) mengambil langit-langit dan bumi-Nya dengan tangan-Nya dan Dia menggenggam dengan tangan-Nya", maka baginda mula menggenggam tangan baginda dan membukanya, kemudian Dia berkata: "Aku lah al-Jabbar,

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

di mana Jabbarun (yang meninggi diri dalam kalangan makhluk)? Di manakah mereka yang sombong? Kata Ibn Umar: Dan Rasulullah sa.w bergerak ke kana dan kiri sehingga aku melihat minbar turut bergerak hingga ke bawahnya sehingga aku berkata: Adakah minbar ini akan jatuh bersama dengan Rasulullah?" [Ibn Majah, Hadis Sahih, dan asalnya dalam al-Bukhari dan Muslim].

Kata Al-Imam Ibn al-Qayyim r.h:

Maksudnya: "dan apabila Rasulullah s.a.w memberitahu kepada mereka baginda menggenggam tangannya dan membukanya untuk mentahqiqkan (makna) sifat bukan untuk mentasybih". [Mukhtasar al-Sawa'iq, m.s ۳۹۱, Darul Hadis].

Keempat: Rasulullah s.a.w menyifatkan sifat-sifat ALLAH dengan lazim sifat tersebut yang menunjukkan ianya sifat hakiki bukan majazi seperti dalam hadis berikut:

Maksudnya: Sesungguhnya ALLAH mencipta tiga benda dengan tanganNya (secara langsung): Dia mencipta Adam dengan tangan-Nya, menulis Taurat dengan tangan-Nya, menanam Al-Firdaus dengan tangan-Nya kemudian Dia berkata: "Tidak akan masuk ke dalamnya (Al-Firdaus) demi Kemuliaan-Ku penagih arak dan dayus". [Masawi' al-Akhlak oleh al-Kharaiti].

Nabi s.a.w juga bersabda:

Maksudnya: "Bumi pada hari Kiamat menjadi seperti sekeping roti di mana AlJabbar akan mencanainya dengan tangan-Nya seperti mana salah seorang kamu

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

mencanai rotinya semasa musafir sebagai hidangan bagi Ahli Syurga". [Sahih alBukhari, no. ٦٥٢٠].

Kelima: Rasulullah s.a.w mengiqrarkan kefahaman Sahabat secara makna zahir daripada nas-nas sifat.

Daripada Abu Razin al-'Uqaili r.a Rasulullah s,a,w bersabda

Maksudnya: "Tuhan kita ketawa kerana putus asa hamba-Nya sedangkan perubahan nasibnya sudah dekat. Kata Abu Razin: Aku berkata: Wahai Rasulullah adalah Tuhan ketawa? Kata baginda: Ya. Kata aku (Abu Razin): Kita pasti tidak akan putus mendapat kebaikan dari Tuhan yang ketawa" [Ibn Majah].

Hadis-hadis ini semuanya menafikan Takwil dan Tafwid Ahli Kalam kerana jelas Rasulullah s.a.w mentafsirkan makna-makna sifat dan memberikan isyarat yang kuat bahawa sifat-sifat ALLAH adalah hakikat bukan majaz, dan tindakan Rasulullah s.a.w memberikan isyarat sudah tentu bukan bermaksud Tasybih atau Tamtsil tetapi adalah untuk mentahqiqkan makna sifat.<sup>١٤</sup>

---

<sup>١٤</sup> Lihat perbahasan lanjut masalah Tafwid ini: Kitab Syeikh Ahmad al-Qadi; Mazhab Ahli Tafwid dan Artikel kami di: <http://mashoori.wordpress.com> serta Kitab: al-Ihtijaj bil Atsar al-Salafiah 'ala Isbat alSifat Al-Ilahiah, 'Adil Al Hamdan.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

### ٤.٣ Sifat Kalam ALLAH

Akidah al-Asya'irah dan al-Maturidiah berkenaan Sifat Kalam ALLAH (kata-kata ALLAH) dan al-Qur'an merupakan cirri-ciri yang paling ketara memisahkan alAsya'irah dan al-Maturidiah daripada Ulama Salafus Soleh sama ada al-Asya'irah alMutaqaddimin mahupun al-Mutaakhirin.

Menurut mereka, ALLAH bersifat dengan Sifat Kalam (berkata-kata) namun perkataan ALLAH ini adalah KALAM NAFSI, tanpa huruf dan suara, Qadim sebagaimana Qadimnya ALLAH, berdiri dengan zat ALLAH, tidak terpisah daripadanya, tidak berjuzu' dan tidak berbahagian, ianya satu sahaja, dan tidak pula arab atau ibrani atau suryani (tidak berbahasa). Adapun al-Qur'an di sisi mereka; Huruf yang berbahasa Arab itu adalah Makhluk dan merupakan ibarat kepada Kalam ALLAH<sup>١٥</sup>, adapun al-Qur'an yang bukan makhluk itu adalah Kalam ALLAH yang Nafsi yang ada dalam Zat ALLAH.

Bagi mereka, Al-Qur'an yang berbahasa Arab, Taurat yang berbahasa Ibrani, dan Zabur yang berbahasa Suryani itu adalah Kalam ALLAH yang sama tetapi ibarat sahaja berbeza, maka jika AL-Qur'an dibaca dengan bahasa Ibrani misalnya maka jadilah ianya Taurat.

Dalil mereka yang sangat "kukuh" dalam masalah ini adalah Sya'ir seorang "Nasrani" yang "Tidak Sahih Sanadnya" bernama al-Akhtal:

---

<sup>١٥</sup> Al-Asya'irah menggunakan kalimah 'Ibarat sedangkan Al-Kullabiah menggunakan kalimah Hikayat dan kedua-duanya dengan maksud yang sama iaitu: Al-Quran yang ada dalam mushaf adalah Kalam ALLAH yg majazi makhluk.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Maksudnya: "Sesungguhnya Kalam itu adalah di dalam Hati dan sesungguhnya dijadikan Lidah itu untuk hati sebagai dalilnya".<sup>17</sup>

Mazhab mereka dalam masalah Kalam ALLAH ini merupakan bidaah yang direkacipta oleh Abu Muhammad Abdullah bin Sa'id al-Kullab sebagaimana yang telah terdahulu disebutkan dan pendapat ini tidak pernah didengari sebelum dia daripada Ulama Salafus Soleh<sup>18</sup>. Ini sudah cukup menjadi bukti yang kuat bahawa Akidah mereka dalam masalah ini bukan akidah Salafus Soleh.

Ini kerana, semua Anak Adam telah bersepakat, apa yang terlintas dalam jiwa daripada ucapan dan perkataan bukanlah KALAM selagi mana tidak diucapkan dengan lisan yang dapat didengari dengan suara dan huruf.

Adapun Kalam Nafsi, orang bisu juga mempunyai KALAM Nafsi dalam jiwanya dan hadis-hadis Sahih menunjukkan bahawa apa yang berada dalam diri daripada lintasan perkataan bukanlah KALAM sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: "Sesungguhnya ALLAH Azza wa Jalla mengampunkan bagi Umatku apa yang dibicarakan dalam dirinya selama mana dia belum bercakap dengannya" [Ahmad].

---

<sup>17</sup> Rujuk: Syarh al-Baijuri atas Jauhirah al-Tauhid, m.s 129-131, Dar al-Salam, Al-Musamarah Syarh alMusayarah m.s 79 - 84, Syarah al-Tahawiah oleh Al-Ghaznawi, m.s 74-77.

<sup>18</sup> Lihat perkataan Imam al-Zahabi r.h yang telah disebutkan pada perbahasan berkenaan al-Kullabiah

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Hadis ini adalah sejelas-jelas dalil bahawa apa yang berada dalam diri daripada lintasan-lintasan bukanlah KALAM. Maka apa yang didakwa al-Asya'irah dan alMaturidiah sebagai wujudnya Kalam Nafsi adalah batil dan dalil mereka dalam menetapkan wujudnya Kalam Nafsi lebih rapuh daripada sarang labah-labah.

Ahlus Sunnah wal Jamaah dalam Sifat Kalam ALLAH berkata:

"Bahawa ALLAH sentiasa bersifat dengan KALAM sejak Azali, Dia berkata-kata bila Dia kehendaki, dengan apa yang Dia kehendaki, dan dengan cara yang Dia kehendaki, dan KALAM ALLAH itu Qadim jenisnya tetapi Perincian KALAM itu Baharu, Dia berkata-kata dengan huruf dan suara yang didengari tanpa ada persamaan dengan makhluk-Nya, dan Al-Qur'an adalah Kalam ALLAH yang Hakiki Huruf dan Maknanya".

Dalil ALLAH mempunyai Suara adalah Sabda Nabi s.a.w:

Maksudnya: "ALLAH menghimpunkan para Hamba (di padang Mahsyar) lalu Dia menyeru mereka dengan Suara yang dapat mendengar akannya orang yang jauh seperti mana yang didengari orang yang dekat: "Aku lah Al-Malik (Raja), Akulah Yang Menghukum, Tidak boleh bagi Ahli Syurga untuk masuk ke syurga dalam keadaan ada di antara Ahli Neraka menuntutnya haknya daripada dia atas kezaliman" [Al-Bukhari, Khalq Af'al al-'Ibada no ٤٦٣].

Kata Imam Al-Bukhari r.h:

Maksudnya: "dan pada ini terdapat dalil bahawa Suara ALLAH tidak menyerupai suara Makhluk kerana Suara



Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

ALLAH Jalla Zikruh didengari dari jauh sama seperti didengari dari dekat, dan para Malaikat pengsan mendengar suara-Nya sedangkan apabila sesama Malaikat saling menyeru antara mereka, mereka tidak pengsan dan berkata ALLAH Azza Wa Jalla (maksudnya): "Maka janganlah kamu jadikan bagi ALLAH sekutu" [al-Baqarah: ٢٢], maka Tiada bagi Sifat ALLAH itu setara dan tiada seumpama, dan tiada suatu pun daripada sifat-sifatNya berada pada makhluk". [Khalq Af'al al-'Ibada, m.s ١٨٢].

Adapun Huruf adalah Sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: "Barangsiapa yang membaca satu huruf daripada Kitab ALLAH maka baginya satu kebaikan, dan satu kebaikan bersamaan sepuluh kali gandanya, Aku tidak kata Ali Laam Miim satu huruf, tetapi; Alif satu Huruf, Laam satu huruf, dan Miim satu huruf". [Al-Tirmizi, sahih].

Berkata Imam Ahmad bin Sinan al-Wasiti (w.٢٥٦ H) dan beliau merupakan Imam Ahli Zamannya dan guru kepada lima orang Ashab Sunan Sittah (al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, Al-Nasaie, dan Ibn Majah)

Maksudnya: "Barangsiapa menyangka bahawa al-Quran itu dua benda (yang berbeza) atau Al-Qur'an adalah Hikayat maka dia, Demi ALLAH yang Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Dia, adalah seorang Zindiq Kafir dengan ALLAH, Al-Qur'an ini adalah Al-Quran (yang sama) yang ALLAH turunkan atas lisan Jibril kepada Muhammad, Tidak diubah, tidak ditukar, tidak datang padanya batil sama ada dari depan mahupun belakang, Tanzil (yang diturunkan) daripada al-Hakim al-Hamid seperti mana kata ALLAH Azza wa Jalla

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

(maksudnya): "Katakanlah: Jika manusia dan jin berkumpul untuk mendatangkan seumpama al-Qur'an ini mereka nescaya tidak akan mampu mendatangkan seumapamanya" [al-Israa': ٨٨] dan jika seorang lelaki bersumpah untuk tidak bercakap selama sehari kemudian dia membaca al-Quran atau bersolat dan membaca al-Quran atau memberi Salam dalam Solat maka dia tidak melanggar sumpahnya, tidak diqiyaskan dengan Kalam ALLAH sesuatu pun, al-Quran adalah Kalam ALLAH daripada Dia ia bermula dan kepada Dia ia kembali, tiada suatu pun daripada ALLAH Ta'ala itu makhluk, tidak sifat-sifatNya, tidak nama-namaNya, dan tidak pula Ilmu-Nya". [Ikhtisas al-Quran, Dhiyauddin al-Maqdisi, m.s ١٦].

Kata al-Imam Abu Sa'id al-Asyaji r.h (w.٢٥٧ H) dan beliau merupakan Syeikh di zamannya dan guru kepada semua Ashab Sunan al-Sittah:

Maksudnya: "Al-Qur'an Kalam ALLAH bukan Makhluq, dan Lafaz kita dengannya bukan Makhluq, dan ia dengan lafaz kita bukan makhluk<sup>١٨</sup>, dan ia berada dalam dada-dada kita bukan Makhluq, dan yang kita baca di Mihrabmihrab (dalam Solat) bukan Makhluq, maka Jauhilah Ahli Bidaah dan Kesesatan" [Al-Hujjah fi Bayan al-Mahajjah, ١/٤٢١].<sup>١٩</sup>

---

<sup>١٨</sup> Dimaksudkan dengan Lafaz di sini adalah: al-Malfuz iaitu huruf-huruf al-Quran itu sendiri bukan Makhluq, adapun al-Talaffuz iaitu perbuatan Qari melafazkan al-Quran maka ianya makhluk.

<sup>١٩</sup> Beberapa karangan Khusus telah ditulis Ulama Salaf untuk membantah Al-Asya'irah dan alMaturidiah dalam masalah Lafaz al-Qur'an ini dan Ulama menamakan mereka sebagai Al-Lafziah. Antara karangan itu adalah:

١- Risalah Al-Sajazi Ila Ahli Zabid, Imam Al-Sajazi

٢- Juz Fi Zikri I'tiqad al-Salaf, Imam Al-Nawawi, alRisalah al-Wadiah, Ibn al-Hanbali, Al-Tis'iniyyah oleh Syeikhul Islam Ibn Taimiah, dan Risalah

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## Masalah Iman

Al-Asya'irah dan al-Maturidiah dalam Masalah Iman adalah Murjiah di mana mereka berpendapat cukuplah Iman itu: Membenarkan dalam Hati.

Kata Fakhr al-Razi dalam Kitabnya, Ma'alim Usuluddin (m.s ۱۳۳):

Maksudnya: "Al-Iman itu adalah ibarat berkenaan Iktiqad, sedangkan perkataan (menuturkan Syahadah) adalah sebab bagi zahirnya dan amalan pula terkeluar daripada penaman Iman".

Berkata Abu Mansur al-Maturidi:

"Iman itu pada hakikatnya adalah membenarkan dengan Hati, akan tetapi memandangkan hati itu sesuatu yang tersembunyi tidak dapat diketahui maka Syarak menjadikan Iqrar (dengan lisan) sebagai dalil atasnya dan syarat untuk dilaksanakan hukum hakam di dunia, sedangkan jika dia membenarkan dengan hatinya dan tidak mengucapkan dengan lisannya jadilah dia mukmin di sisi ALLAH ... " [Syarah al-Ghaznawi atas al-Tahawiah, m.s ۱۱۹].

Kata al-Ghaznawi (m.s ۱۲۰):

"dan amalan tidak masuk ke dalam Hakikat Iman ..."

Atas akidah mereka yang sangat batil ini mereka menyatakan bahawa Abu Talib, bapa saudara Rasulullah s.a.w yang mati dalam keadaan Kafir dengan nas hadis

---

fil Istiwa' wal Fauqiah, oleh Muhammad al-Juwaini (Ayah Imam al-Haramain).

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

yang sah dalam (Sahih al-Bukhari) sebagai mukmin [Rujuk: Tabsitul Aqaid oleh Hasan Ayyub]

Demikian juga mereka tidak menghukum kafir mereka yang meminta kepada orang mati, menyembah kubur, dan menyeru makhluk ghaib selagi mana tidak berikhtiqad yang menafikan Rububiyah ALLAH walaupun lafaz yang diucapkan jelas mengandungi Syirik yang Sarih sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini.

Adapun Mazhab Salafus Soleh, Iman itu adalah:

Maksudnya: "Membenarkan dengan Hati, beramal dengan anggota, dan mengucapkan dengan lidah, dan sesungguhnya ia bertambah dan berkurang". [Taudih al-Maqasid, 2/139].

Amalan jelas masuk ke dalam penamaan Iman sebagaimana Sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: "Iman itu sebanyak 70 lebih cabang atau 70 lebih cabang, maka yang paling Afdal adalah ucapan: La Ilaha IllALLAH, dan serendah-rendahnya adalah membuang kesakitan di jalanan dan malu itu satu cabang daripada Iman" [Al-Bukhari & Muslim].

Kata al-Imam al-Syafii r.h:

Maksudnya: "dan adalah Ijmak daripada para Sahabat, Tabiin, dan mereka yang selepas itu yang kami temui bahawa Iman itu; Qaul (perkataan), Amalan, dan Niat, tidak cukup satu daripada tiga ini tanpa yang selebihnya" [Syarah Usul Iktiqad al-Lalikaie, 5/906].

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Dengan nukilan ini, sudah cukup untuk membuktikan kepada mereka yang mahu mengikut kebenaran bahawa al-Asya'irah dan al-Maturidiah menyalahi Ulama Salaf al-Soleh dalam mentakrifkan Iman.

## **Masalah al-Qada' dan al-Qadar: Perbuatan Hamba**

Al-Asya'irah dan Al-Maturidiah bersepakat dengan Ahlus Sunnah wal Jamaah bahawa Perbuatan Hamba adalah makhluk ALLAH yakni manusia tidak mencipta perbuatan dirinya sendiri, tetapi ianya adalah ciptaan ALLAH dan tertakluk di bawah Qudrat dan Iradat ALLAH Ta'ala berbeza dengan al-Qadariah.

Dalilnya adalah firman ALLAH Ta'ala:

Maksudnya: "dan ALLAH yang menciptakan kamu dan amalan perbuatan kamu" [al-Saffat: ٩٦].

Sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: "Sesungguhnya ALLAH mencipta setiap pelaku dan perbuatannya" [Al-Bukhari dalam Khalqu Af'al al-'Ibad]

Namun, menurut Ahlus Sunnah wal Jamaah, makhluk mempunyai kudrat (kemampuan) dan iradat (kehendak) yang hakiki yang diciptakan ALLAH untuk mereka dan kudrat dan iradat Makhluk ini tertakluk kepada kehendak dan kudrat ALLAH Ta'ala.

Dalilnya firman ALLAH Ta'ala:

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Maksudnya: "Dan katakanlah: Kebenaran itu daripada Tuhan kamu, maka barangsiapa yang hendak maka berimanlah dan barangsiapa yang hendak maka kufurlah ..." [al-Kahf: ٢٩].

ALLAH juga berfirman dalam surah Al-Takwir ayat ke-٢٨ dan ٢٩:

Maksudnya: "Bagi sesiapa yang hendak beristiqamah dari kalangan kamu. Dan tidaklah kamu berkehendak melainkan ALLAH Tuhan sekalian 'Alam juga mengkehendaki (untuk kamu berkehendak)".

Ayat ini menjelaskan bahawa kehendak manusia itu tertakluk di bawah kehendak ALLAH Ta'ala, jika mereka berkehendak namun ALLAH Ta'ala berkehendak yang sebaliknya maka tiada siapa dapat melawan kehendak ALLAH kerana kehendak-Nya lah yang akan terlaksana bukan kehendak hamba.

Demikian juga makhluk adalah pelaku perbuatan mereka secara hakikat, kerana ALLAH telah mensabitkan bagi mereka amalan sebagaimana firman ALLAH Ta'ala:

Maksudnya: "dan katakanlah: Ber'amALLAH nescaya ALLAH, Rasul-Nya, dan orang-orang beriman akan melihat amalan kamu dan kamu akan dikembalikan kepada Yang Maha Mengetahui yang Ghaib dan yang dapat disaksikan lalu Dia akan memberitakan kepada kamu apa yang kamu telah perbuat". [Al-Taubah: ٩].

Maka, makhluk yang melakukan amalan-amalan mereka yang ikhtiari dengan kehendak dan kuasa yang ALLAH ciptakan kepada mereka dan kuasa dan

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

kehendak mereka terbatas kerana tertakluk di bawah keizinan ALLAH, hanya yang ALLAH izinkan akan berlaku sesuai dengan kehendak dan kuasa ALLAH.

Kata Imam Abu Jaafar al-Tahawi r.h:

Maksudnya: "dan perbuatan hamba itu adalah ciptaan ALLAH dan usaha daripada hamba".

Menurut Ahlus Sunnah wal Jamaah, maksud perbuatan hamba itu adalah **الكسب** daripada hamba:

Maksudnya: "Perbuatan yang kembali kepada Pelakunya manfaatnya atau mudaratnya". [Syarah al-Tahawiah, Ibn Abil Izz al-Hanafi, m.s ٤٤٨, Tahqiq: Ahmad Syakir].

Maka di sisi Ahlus Sunnah wal Jamaah; hamba itu memiliki perbuatan; kudrat dan iradat dan memberi kesan atas tindakannya, namun semua ini tertakluk di bawah kehendak dan kudrat ALLAH Ta'ala dan ianya ciptaan ALLAH bagi hamba-Nya.

Adapun di sisi al-Asya'irah, mereka tidak dapat memberikan makna yang tepat berkenaan maksud **الكسب** ini sehingga dimasukkan dalam salah satu daripada ٣ perkara yang tidak masuk akal dalam Ilmu Kalam adalah: Kasbul Asy'ari.

Hasil perbezaan dan percanggahan pendapat yang panjang antara al-Asya'irah dalam menentukan makna al-Kasbu di sisi mereka adalah sebagaimana kata al-Razi dalam Muhassilul Afkar (m.s ١٩٤):

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

"Abul Hasan al-Asy'ari berpendapat bahawa Tiada kesan bagi kekuasaan hamba dalam perkara yang dia lakukan sama sekali bahkan kudrat dan apa yang dilakukan itu adalah berlaku dengan kudrat ALLAH Ta'ala".

Pendapat al-Asya'irah ini sebenarnya adalah "menafikan sebab" kerana pada mereka kudrat manusia yang merupakan sebab tidak memberi kesan sama sekali bahkan yang memberi kesan adalah ALLAH sahaja, ini bermaksud pembuat yang hakiki adalah ALLAH; ini adalah akidah Jabariah Jahmiah.

Al-Baijuri menaqaal daripada al-Dasuqi katanya:

"Barangsiapa yang melihat kepada hamba dengan pandangan hakikat maka dia akan memaafkan mereka, dan barangsiapa yang melihat kepada mereka dengan pandangan syariat maka dia membenci mereka, maka hamba itu "majbur" (terpaksa) dalam rupa mempunyai pilihan". [Tuhfatul Murid, m.s ١١٨ Tahqiq Abdullah al-Khalili]

Al-Maturidiah pula menetapkan perbuatan hamba adalah ciptaan ALLAH dan Kasb daripada hamba, dan al-Kasb di sisi mereka adalah kehendak hamba yang juz'ie yang tidak termasuk di bawah ciptaan ALLAH, bahkan makhluk itu sendiri berkehendak dengan kehendaknya itu lalu ALLAH menciptakan untuk mereka perbuatan dengan sebab kehendak itu. [Lihat: Mauqif Ibn Taimiah min al-Asya'irah, ٣/١٣٣٥, Abdul Rahman al-Mahmud].

Dalam hal ini, Al-Maturidiah lebih dekat dengan mazhab al-Qadariah di mana mereka berpendapat



Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

mahluk mempunyai iradah khusus yang tidak masuk di bawah takluk kehendak ALLAH Ta'ala. [Ibid].<sup>٧٠</sup>

Ini lah sebahagian daripada usul-usul Akidah al-Asya'irah dan Al-Maturidiah yang menyalahi Akidah Ahlus Sunnah wal Jama'ah, yang mana jika kita mendalami lebih lagi masih banyak masalah akidah yang mereka menyelisihi Ahlus Sunnah namun cukup sekadar perselisihan ini untuk kita membuat hukuman yang adil berkenaan kedudukan al-Asya'irah dan al-Maturidiah di sisi Ahlus Sunnah wal Jamaah.

namun mereka tidak mendiamkan diri daripada apa yang para Sahabat dan Tabiin (yang mengikut para Sahabat) dengan baik mendiamkan diri akannya". [Al-Hujjah fi Bayan al-Mahajjah, ١/١١٤].

Kedua: Imam al-Syafii (rh):

Kata beliau:

Maksudnya: "Aku telah mendapati Ahli Kalam berada atas sesuatu yang aku tidak sangka sama sekali, jika seseorang itu diuji dengan (terjebak) ke dalam apa yang ALLAH larang semuanya kecuali Syirik dengan ALLAH adalah lebih baik baginya daripada dia diuji dengan (terlibat) dalam Ilmu Kalam". [Ibid, ms ١١٥].

Ketiga: Imam Abu Hanifah (rh):

Nuh al-Jami' berkata:

---

<sup>٧٠</sup> Namun, al-Maturidiah bersetuju dengan Ahlus Sunah wal Jamaah dalam menetapkan bagi hamba ada qudrat yg memberi kesan dan Iradat ALLAH terbahagi kepada ١- Kauni Qadari dan ٢- Dinie Syar'ie.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Maksudnya: "Aku berkata kepada Abu Hanifah (rh): Apakah perkataan kamu berkenaan apa yang diadadakan oleh manusia berkenaan Ilmu Kalam, alA'radh, dan Jisim? Maka jawab beliau: "Ini semua perkataan-perkataan Ahli Falsafah, wajib atas kamu berpegang dengan ayat dan jalan para Salaf dan jauhilah kamu semua jenis rekaan kerana ianya adalah bidaah". [Ibid, m.s ١١٦].

Keempat: Imam Abu Yusuf (rh):

Maksudnya: "Mengetahui Ilmu Kalam itu adalah suatu Kejahilan". [Ibid, m.s ١١٦].

Ini sebahagian kecil daripada kecaman Ulama Salaf atas Ilmu Kalam dan Ahlinya, dan tidak syak lagi kecaman ini merangkumi Ilmu Kalam yang dibawa al-Asya'irah dan al-Maturidiah kerana Ilmu Kalam mereka seperti yang disifatkan Imam Malik dan Abu Hanifah tidak terlepas daripada perbincangan masalah-masalah sifat ALLAH dengan menggunakan akal dan melebihi had yang ditetapkan syarak dan melibatkan

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## **۲. Kedudukan Firqah al-Asya'irah dan al-Maturidiah**

Setelah diketahui kedudukan Manhaj Al-Asya'irah dan Al-Maturidiah di sisi Ulama Salaf, maka kita lihat pula kedudukan Al-Asya'irah dan Al-Maturidiah di sisi Ulama Salaf secara khusus, adakah termasuk dalam golongan Ahlus Sunnah wal Jamaah atau tidak?

Perlu difahami: Hukum ke atas sesuatu Firqah sebagai Ahlus Sunnah wal Jamaah atau terkeluar daripada Ahlus Sunnah wal Jamaah adalah hukum 'aam yang tidak melazimkan ke atas setiap individu yang terlibat dengan kumpulan ini seperti mana juga hukuman Takfir.

Telah kita jelaskan bahawa al-Asya'irah dan al-Maturidiah mengambil akidah mereka daripada aliran al-Kullabiah, maka dengan mengetahui kedudukan aliran al-Kullabiah sama ada termasuk Ahlus Sunnah atau tidak sekaligus memberikan hokum atas alAsya'irah dan al-Maturidiah.

### *۲.۱ Kedudukan al-Kullabiah di sisi Ulama Salaf:*

Al-Kullabiah muncul di zaman Imam Ahmad bin Hanbal (rh) dan telah tsabit Imam Ahmad menghukum tokoh-tokoh Kullabiah sebagai Ahli Bidaah di antaranya al-Haris al-Muhasibi.

Kata Abul Qasim al-Nasrabazi:

"Telah sampai (khabar) kepadaku bahawa al-Haris al-Muhasibi bercakap berkenaan Ilmu Kalam lalu Ahmad bin Hanbal memboikotnya sehingga dia (alHaris) bersembunyi di sebuah rumah di Baghdad sehingga dia

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

meninggal padanya dan tidak mensolatkan jenzahnya kecuali empat orang sahaja .." [Tarikh Baghdad, ٩/١٠٤, tahqiq Basyar 'Awad].

Demikian juga Imam Ahmad juga memulaukan dan mentahzir Daud bin 'Ali al-Zahiri setelah sampai kepadanya khabar bahawa Daud mengikut mazhab al-Kullabiah dalam masalah al-Qur'an dan melarang Daud masuk ke rumahnya walaupun Daud menafikan dia berikhtiqad sedemikian. [Mizan al-I'tidal ٢/١٥].

Kata Syeikhul Islam (rh): "Adalah Imam Ahmad mentahzir al-Kullabiah dan memerintahkan supaya memulaukan al-Haris al-Muhasibi kerana dia daripada mereka". [Majmuk al-Fatawa, ٥/٥٥٣].

Kata Imam Abu Tahir al-Silafi al-Salafi (rh) dalam Nazamnya mentahzir Ahli Bidaah:

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## **Kedudukan al-Asya'rah dan Al-Maturidiah di sisi Ahlus Sunnah wal Jamaah**

### **1. Kedudukan Manhaj Al-Asya'rah dan Al-Maturidiah:**

Berdasarkan prinsip-prinsip Al-Asya'rah dan Al-Maturidiah yang begitu banyak bercanggah dengan Ahlus Sunnah wal Jamaah, maka Manhaj Al-Asya'rah dan AlMaturidiah bukanlah Manhaj yang sahih, bahkan ianya termasuk Manhaj Bidaah yang tercela.

Manhaj al-Asya'rah dan al-Maturidiah berasaskan kepada mazhab dan manhaj Ahli Kalam dan para Ulama Salaf telah bersepakat mencela Manhaj Ahli Kalam sebagaimana yang warid daripada Imam-imam kaum Muslimin:

#### *Pertama: Imam Malik bin Anas (rh):*

Daripada Ashab bin Abdul Aziz bahawa Imam Malik (rh) berkata:

Maksudnya: "Hati-hatilah kamu akan Bidaah-bidaah". Dikatakan kepada beliau: Wahai Abu Abdullah, apakah yang kamu maksudkan dengan bidaahbidaah? Jawab beliau: "Ahli Bidaah adalah mereka yang bercakap berkenaan Nama-nama ALLAH, sifat-sifatNya, Kalam-Nya, Ilmu-Nya, dan Qudrat-Nya, Maksudnya: "dan pengikut Ibn Kullab adalah Anjing-anjing atas tahqiqnya mereka itu adalah sejelek-jelek pengikut". [Siyar, 21/30].

Imam Ibn Khuzaimah (rh), Imam di zamannya telah masyhur pengingkaran beliau terhadap mazhab al-

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Kullabiah dan mentahzir anak-anak muridnya yang terjebak dalam mazhab ini. Abu 'Ali al-Tsaqafi salah seorang anak murid Ibn Khuzaimah bertanya kepadanya: "Wahai Ustaz, apakah yang kamu ingkari berkenaan mazhab kami supaya kami rujuk kembali daripadanya?"

Jawab Ibn Khuzaimah (rh): "Kecenderungan kamu kepada mazhab al-Kullabiah sedangkan adalah Imam Ahmad bin Hanbal adalah antara orang yang sangat keras (menentang) Abdullah bin Sa'id bin Kullab dan atas pengikut-pengikutnya seperti al-Haris dan lainnya ..." [Siyar, ١٤/٣٨٠].

Adalah Syeikhul Islam Abul 'Abbas al-Siraj (rh) tidak akan bercakap dengan anakanak orang Kullabiah dan beliau memerintahkan mereka yang hendak belajar dengannya berkata: "Aku berlepas diri kepada ALLAH daripada al-Kullabiah" [Siyar, ١٤/٣٩٥].

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## *۲.۲ Kedudukan al-Asya'irah dan al-Maturidiah Sendiri*

Para Ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah telah sepakat bahawa al-Asya'irah dan alMaturidiah tidak termasuk dalam Ahlus Sunnah wal Jamaah dan mereka mentahzir dua firqah ini.

Pendirian ini jelas daripada pendirian mereka terhadap Ilmu Kalam dan pendahulu dua firqah ini; al-Kullabiah.

Terdapat juga perkataan-perkataan Ulama Ahlus Sunnah wal Jamaah yang langsung mentahzir aliran al-Asya'irah ini di zaman kemunculannya seperti berikut:

Pertama: Kata Imam Abu Abdullah Muhammad bin Khuwaz Mindad r.h, seorang Ulama Mazhab Maliki menyatakan:

Maksudnya: "Ahli Hawa Nafsu (Bidaah) di sisi (Imam) Malik dan seluruh pengikut kita (Malikiah) adalah Ahli Kalam, semua Ahli Kalam adalah Ahli Hawa Nafsu dan Bidaah sama ada seorang Asy'ari atau bukan Asy'ari dan tidak diterima penyaksiannya dalam Islam dan hendaklah dia di boikot dan dihukum atas bidaahnya, jika masih berterusan, hendaklah disuruh bertaubat daripadanya". [Jami' Bayan al-'Ilmi wa Fadlih, Ibn Abdul Barr, ۲/۹۴۲].

Pernyataan ini menunjukkan di sisi Ulama Salaf seperti Imam Malik bin Anas r.h, semua Ahli Kalam adalah Ahli Bidaah, bukan Ahlus Sunnah wal Jamaah sama ada dari aliran Asya'irah atau lainnya.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Kedua: Al-Imam Abul Abbas bin Suraj r.h (digelar sebagai Imam al-Syafii Kedua) [w.۳۰۶ H], beliau berkata:

Maksudnya: "Kami tidak berkata dengan Takwilan Muktaizilah, al-Asy'ariah, alJahmiah, al-Mulhidah, al-Mujassimah, al-Musyabbihah, al-Karramiah, dan alKaifiah bahkan kami menerimanya (sifat-sifat ALLAH) tanpa takwil dan kami beriman dengannya tanpa melakukan tamtsil". [Ijtima' al-Juyush al-Islamiah, Ibn al-Qayyim, m.s ۱۷۴].

Ketiga: Imam Abu Hamid al-Isfirayini al-Syafii r.h [w.۴۰۶ H], beliau adalah Syaikh Ulama Syafiiyah di zaman beliau, Abul Hasan Al-Karaji al-Syafii menyatakan:

Maksudnya: "Adalah Syaikh Abu Hamid sangat keras mengingkari al-Baqilani (yakni Abu Bakar al-Baqilani, Ulama Besar Mazhab al-Asya'irah –pent-) dan Ahli Kalam dan sentiasalah para Imam-imam Al-Syafiiyah itu tidak suka disandarkan kepada al-Asy'ari dan berlepas diri daripada apa yang dia (alAsy'ari) bina atasnya mazhabnya dan melarang pengikut mereka dan orang-orang yang mereka kasihi daripada berlegar-legar di sekitarnya". [Syarh alAqidah al-Asbahaniah, Syeikhul Islam Ibn Taimiah, m.s ۳۶].

Pernyataan-pernyataan ini menunjukkan bahawa Ulama-ulama Mazhab al-Syafii rahimahumullah sentiasa mentahzir daripada Akidah al-Asya'irah dan mereka tidak mengiktiraf beberapa pengikut al-Asya'irah yang menyandarkan diri kepada mazhab al-Syafii dalam Feqah seperti Abu Bakar al-Baqilani sebagai pengikut al-



Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Syafii yang sebenar kerana mereka ini menyalahi al-Syafii dalam Akidah.

Demikian juga beberapa Ulama telah mengarang kitab-kitab khusus untuk membantah mazhab al-Asya'irah ini antara yang terkenal adalah:

١. Risalah Imam Ubaidullah al-Sijzi r.h [w.٤٤٤ H] kepada Ahli Zabid menjawab persoalan masalah Suara ALLAH dan Huruf al-Quran di mana beliau telah membantah mazhab al-Asya'irah dalam masalah ini.

٢. Risalah al-Radd 'ala al-Mubtadi'ah oleh Ibn al-Banna al-Hanbali r.h [w.٤٧١ H] di mana beliau membantah mazhab al-Asya'irah secara khusus dalam kitab beliau ini.

٣. Al-Risalah al-Wadihah fi al-Raddi 'Alal Asya'irah oleh Ibn al-Hanbali r.h [w.٥٣٦ H].

Fakta menunjukkan bahawa ajaran Asya'irah dan Maturidiah dikekang oleh para Ulama dan tidak dapat disebarkan melainkan secara sembunyi-sembunyi seperti mana yang dinyatakan Imam Abul Hasan al-Karkhi al-Syafii r.h bahawa Abu Bakar alBaqilani r.h tidak dapat keluar untuk ke tempat mandi melainkan dalam keadaan menutup wajahnya kerana takut akan para Ulama Islam terutama Abu Hamid alIsfirayini r.h. [Syarh al-Aqidah al-Asbahaniah, m.s ٣٦].

Namun, ajaran al-Asya'irah ini hanya berkembang melalui kekuasaan pemerintah dan pemaksaan ke atas rakyat oleh pihak pemerintah sebagaimana yang berlaku di Maghrib (Maghribi) melalui kekejaman Muhammad

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

bin Tumart yang mendakwa dirinya Imam Maksum dan memaksa rakyat Maghrib mengikut akidahnya yang dikarang bernama: al-Mursyidah, dan mengkafirkan sesiapa sahaja yang mengikut Manhaj Salaf dan menghalalkan darah mereka. [rujuk kekejaman Ibn Tumart ini dalam Siyar A'lam al-Nubala', ١٩/٥٤٠-٥٤١].

Demikian juga perkembangan Asya'irah di Iraq adalah melalui pemerintah dan sultan berbangsa 'ajam seperti kerajaan Zankiah dan Ayyubiah, sedangkan Khalifah 'Abbasiah menolak ajaran Asya'irah ini sehingga dikarang akidah al-Qadiriiah oleh Khalifah al-Qadir billah [w.٤٢٢ H] untuk menetapkan Akidah Salafiah sebagai Akidah Rasmi kerajaan Khilafah Abbasiah. [Lihat berkenaan Khalifah al-Qadir billah dalam Tarikh al-Islam oleh al-Zahabi, ٥/٦١ Tahqiq Basyar Awwad, Darul Gharb dan Lihat berkaitan al-Iktiqad al-Qadiri dalam al-Muntazim fi al-Tarikh, Ibn al-Jauzi, ١٥/٢٧٩-٢٨٢].

Namun, pada zaman Ayyubiah, mereka telah menukar akidah dan mewajibkan rakyat Mesir mengikut mazhab al-Asya'irah di mana Sultan Salahuddin al-Ayyubi r.h [w.٥٩٨ H] telah mewajibkan sekolah-sekolah kerajaan untuk mengikut mazhab ini. [Lihat al-Khutat oleh Imam al-Muqrizi, ٤/١٦٦-١٦٧].

Cukuplah menjadi bukti bahawa al-Asya'irah dan al-Maturidiah ini terkeluar daripada jalan Ahlus Sunnah wal Jamaah berdasarkan kewujudannya selepas zaman Salafus Soleh kerana Rasulullah s.a.w bersabda:

Maksudnya: "dan sesungguhnya Bani Israel telah berpecah kepada ٧٢ puak dan sesungguhnya umatku

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

akan berpecah kepada ٧٣ puak, semuanya di neraka melainkan satu puak sahaja". Ditanya kepada baginda: "Apakah dia satu puak itu wahai Rasulullah?" Jawab baginda: "Apa yang aku berada atasnya hari ini serta para Sahabatku". [Al-Tarmizi, al-Hakim, al-Tabrani – Mukjam al-Kabir-, Ibn Battah (al-Ibanah al-Kubra) dan lafaz ini di sisi Ibn Battah].

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

### *۲.۳ Kedudukan Beberapa Tokoh Islam Yang Terlibat dengan Akidah Asya'irah & Maturidiah*

Beberapa Tokoh Islam yang terkenal dan banyak sumbangan mereka dalam menegakkan Sunnah terlibat dalam mentakwilkan beberapa Sifat ALLAH Ta'ala antaranya:

- Imam al-Nawawi [w.۶۷۶ H]
- Al-Imam Ibn Hajar al-'Asqalani [w.۸۵۲ H]

Namun, jika kita mengkaji akidah tokoh-tokoh ini secara keseluruhannya, kita dapati mereka juga menyelisihi al-Asya'irah dalam banyak perkara Usul Akidah al-Asya'irah seperti dalam masalah Iman di mana al-Imam al-Nawawi r.h menolak pendapat Ahli Kalam bahawa Iman tidak bertambah dan berkurang demikian juga al-Imam Ibn Hajar r.h menolak prinsip asas Asya'irah menolak Hadis Ahad dan mendahulukan akal atas Khabar Ahad. [Lihat: Mawaqif al-Salaf fil Aqidah wal Manhaj wat Tarbiah, al-Maghrawi].

Kaedah dalam Manhaj Salafi dalam menghukum seseorang itu sebagai Ahli Bidaah pula adalah; Tidak semua orang yang melakukan Bidaah adalah Mubtadi'. Telah kita jelaskan bahawa kedudukan al-Asya'irah terkeluar daripada Ahlus Sunnah wal Jamaah adalah hukum 'am atas manhajnya bukan atas individu-individu yang terlibat di dalamnya, maka tidak semua mereka yang terlibat dengan Manhaj al-Asya'irah atau al-Maturidiah dianggap sebagai Ahli Bidaah kerana hukum 'am berbeza dengan hukum ta'yyin.

Kata Syeikh Muhammad bin Soleh al-Utsaimin r.h berkenaan dua tokoh Islam ini (alNawawi & Ibn Hajar)

bahawa Tidak Benar kita menisbahkan mereka kepada mazhab al-Asya'irah hanya kerana mereka terjebak dalam mentakwilkan Sifat-sifat ALLAH Ta'ala sedangkan dalam banyak usul yang lain mereka menolak Manhaj al-Asya'irah, ini seumpama jika seorang bermazhab Hanbali kemudian dalam satu dua masalah dia menyetujui pendapat al-Syafii, maka tidak wajar kita mengatakan dia telah menjadi Syafii bahkan dia masih seorang Hanbali walaupun dalam beberapa masalah dia mengikut al-Syafii. [Lihat: Syarah al-Arba'in al-Nawawi, oleh Ibn Utsaimin, Hadis ke-٢٨].

Kita boleh melihat ketidak laziman mentakwilkan sifat dengan al-Asya'irah pada manhaj Imam Ibn al-Jauzi [w.٥٩٧ H] di mana beliau juga terlibat dalam mentakwilkan beberapa sifat namun beliau juga amat memusuhi al-Asya'irah dalam masalah Kalam ALLAH dan Al-Quran di mana Ibn al-Jauzi r.h berpegang dengan akidah salafiah dalam masalah Kalam ALLAH dan al-Qur'an.

Maka, kesimpulan yang boleh kita katakan bahawa Imam Ibn Hajar al-'Asqalani r.h dan al-Imam al-Nawawi r.h pada mereka berdua terdapat pengaruh al-Asya'irah namun mereka bukanlah al-Asya'irah dengan erti kata sebenar kerana banyak lagi usul-usul akidah seperti Khabar Ahad, Masalah Iman bertambah dan berkurang, Masalah Awal Wajib dan lainnya, mereka menyalahi Manhaj Ahli Kalam, dan mereka berdua mempunyai jasa yang besar dalam mempertahankan Sunnah Rasulullah s.a.w dan kebaikan mereka yang banyak ini melebihi beberapa kesalahan mereka yang mereka lakukan atas dasar ijtihad.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

Ini berbeza dengan mereka yang mengikut al-Asya'irah dan al-Maturidiah pada manhaj dan cabang-cabangnya serta mendukung mazhab ini dan membelanya, maka mereka ini lah yang dihukum sebagai Asy'ari dan setelah tegaknya hujah dihukum sebagai Ahli Bidaah seperti Abdullah al-Harari al-Habsyi, Hasan Saqqaf, Ali Jumaah, Ahmad Tayyib, dan sekutu-sekutu mereka.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

### *٢.٤ Adakah Salafi Mengkafirkan Al-Asya'irah?*

Fitnah yang selalu dicanangkan oleh musuh-musuh Dakwah Salafiah adalah kononnya Ahlus Sunnah wal Jamaah yang mereka gelar sebagai Wahhabi mengkafirkan al-Asya'irah, namun dakwaan ini tidak benar dan fitnah yang besar, di mana berikut fatwa daripada Lajnah Tetap untuk Kajian Ilmiah dan Fatwa Arab Saudi (٣/٢٢٠):

Terjemahan:

Soalan ke-٧: Apakah hukum orang yang mati atas Tauhid al-Asy'ari sebelum sampai kepadanya (dakwah) tauhid al-Asma' was Sifat (Manhaj Salaf) dan dia tidak pula mendengar daripada sesiapa dan tidak memahaminya dan dia telah berikrar dengan Tauhid Rububiyah dan Ilahiah namun tiada yang memberikannya peringatan maka dia mengingkarinya (Tauhid al-Asma' was Sifat) adakah baginya uzur atau tidak?

Jawapan ke-٧: Urusannya dikembalikan kepada ALLAH s.w.t; kerana al-Asya'irah BUKAN KAFIR, tetapi mereka tersalah dalam melakukan Takwil terhadap beberapa Sifat.

Fatwa ini menjelaskan bahawa Al-Asya'irah demikian al-Maturidiah kembarnya Asya'irah adalah masih dalam kalangan ٧٣ firqah, namun mereka ini menyelisihi jalan al-Salaf maka mereka bukan daripada Kelompok yang Selamat (al-Firqah al-Najiah) namun dalam kalangan ٧٢ yang DIANCAM dengan nereka dan mereka ini semuanya adalah muslim dan kedudukan mereka di

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

akhirat diserahkan kepada ALLAH sama ada diampunkan atau diazab namun mereka tidak akan kekal di dalam neraka kerana mereka semuanya Mukmin. WALLAHua'lam.



Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## **PENUTUP**

Akhir perbahasan berkenaan al-Asya'irah dan al-Maturidiah ini, diharap bahas yang kecil dan tidak seberapa ini dapat merungkai beberapa kekeliruan yang timbul berkenaan isu al-Asya'irah dan al-Maturidiah serta konflik yang berlaku antara keduanya dengan Dakwah Salafiah dan menjelaskan betapa pentingnya usaha Dakwah Salafiah digencarkan untuk memperbetulkan Akidah Umat.

Risalah kecil ini juga diharap dapat memberikan jawapan kepada mereka yang meremeh-remehkan isu al-Asya'irah dan al-Maturidiah dan mengajak Umat bersatu dengan memejam mata akan masalah ini kerana jenayah yang paling besar adalah jenayah dalam Akidah, maka tidak wajar isu ini dianggap enteng oleh mereka yang mengaku bersandar kepada Dakwah Salafiah yang mulia.

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

## Daftar Isi :

AL-ASYA'IRAH & AL-MATURIDIAH.....	۱
Oleh: Muhammad Asrie bin Sobri.....	۱
(B.A Aqidah & Dakwah, Uni. Islam Madinah).....	۱
PENDAHULUAN.....	۲
Pengenalan Terhadap Al-Asya'irah & Al-Maturidiah.....	۴
□ Abul Hasan al-Asy'ari: .....	۵
□ Abu Mansur al-Maturidi: .....	۹
Peringkat-peringkat Perkembangan Al-Asya'irah & al-Maturidiah .....	۱۲
Peringkat-peringkat Al-Asya'irah: .....	۱۲
۱- Kullabiah:.....	۱۲
۲- Al-Jahmiah: .....	۱۵
۳- Al-Tafwid.....	۱۶
۴- Al-Sufiah.....	۱۶
Perkembangan al-Maturidiah .....	۲۰
Marhalah Tasawuf dan Keruntuhan Tauhid al-Uluhiyah di sisi Al-Maturidiah: .....	۲۲
Bahagian-bahagian al-Asya'irah dan al-Maturidiah ...	۲۴
Kitab-kitab Sandaran:.....	۲۶
Perbandingan Antara Mazhab Al-Asya'irah dan Al-Maturidiah .....	۲۷
Manhaj Al-Asya'irah & Al-Maturidiah Dalam Aqidah:	
۲۸	
Pertama: Manhaj Talaqqi.....	۲۸
۱. Mendahulukan Akal atas Naqal.....	۲۸

Buku Ini dibuat dan diteliti di Yayasan Alhassanain as dan sudah disesuaikan dengan buku aslinya

٢. Nas-nas Wahyu Tidak memberikan Faedah Yakin dan Ilmu. ....	٣٤
٢. Jenis-jenis Tauhid .....	٤١
٤. Al-Asma' was Sifat.....	٤٩
٤.١. Manhaj Al-Asya'irah dan al-Maturidiah dalam Menetapkan Nama dan Sifat ALLAH .....	٥٠
٤.٢ Pendirian al-Asya'irah dan al-Maturidiah terhadap Sifat-sifat ALLAH alKhabariah.....	٥٧
٤.٣ Sifat Kalam ALLAH.....	٦٢
Masalah Iman.....	٦٧
Masalah al-Qada' dan al-Qadar: Perbuatan Hamba ...	٦٩
٢. Kedudukan Firqah al-Asya'irah dan al-Maturidiah .	٧٥
٢.١ Kedudukan al-Kullabiah di sisi Ulama Salaf:....	٧٥
Kedudukan al-Asya'irah dan Al-Maturidiah di sisi Ahlus Sunnah wal Jamaah .....	٧٧
١. Kedudukan Manhaj Al-Asya'irah dan Al-Maturidiah:	
٧٧	
Pertama: Imam Malik bin Anas (rh): .....	٧٧
٢.٢ Kedudukan al-Asya'irah dan al-Maturidiah Sendiri .....	٧٩
٢.٣ Kedudukan Beberapa Tokoh Islam Yang Terlibat dengan Akidah Asya'irah & Maturidiah .....	٨٤
٢.٤ Adakah Salafi Mengkafirkan Al-Asya'irah?.....	٨٧
<b>PENUTUP</b> .....	<b>٨٩</b>